


Jilid II
Bil. 57



Hari Selasa
23hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5889]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Jadual—

Kepala B. 23 dan B. 24 [Ruangan 5915]

Kepala B. 25 [Ruangan 5958]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 5915]

Kepala P. 25 [Ruangan 5958]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEHEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dawak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 23hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RUKUN TETANGGA/RELA

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah perhatian diambil agar sekim Rukun Tetangga dan Rela benar-benar menjadi mata dan telinga Kerajaan dan tidak menjadi sebaliknya. Apakah kesannya sehingga ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan dan akuan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu perhatian yang berat diambil dan akan terus diberi untuk menentukan supaya rakyat keseluruhannya memainkan peranan untuk menjaga keamanan, perpaduan dan pembangunan negara melalui sekim Rukun Tetangga. Langkah-langkah dan tindakan sedang diatur untuk menjelaskan perkara-perkara ini dalam bentuk ceramah dan kursus bagi tujuan-tujuan ini. Saya merasa sangat gembira dan bangga menyatakan iaitu sehingga hari ini kesan dan kejayaan yang telah dicapai amat memberangsangkan kita semua. Antara beberapa faedah yang telah dinikmati ialah rakyat telah dapat mengawal harta-benda dan rumahtangga masing-masing dengan menggembelkan usaha dan tenaga di dalam suasana muhibbah seperti kata pepatah: berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Hasil dari kawalan dan rondaan yang dibuat itu telah mengurangkan jenayah-jenayah malahan terdapat di beberapa kawasan kes-kes jenayah

dan kecurian tidak berlaku lagi. Di samping itu hubungan dan kerjasama di antara pentadbir dan orang ramai telah bertambah lebih erat lagi dan menghasilkan beberapa kejayaan di dalam beberapa usaha, terutama di dalam tangkapan penjenayah-penjenayah, pengedar-pengedar dan penyalahgunaan dadah, anasir-anasir subversif dan keruntuhan akhlak. Pendek kata, suasana aman damai telah menjadi lebih baik di dalam semua sektor yang telah mengadakan Rukun Tetangga di mana penduduk-penduduk tidak lagi merasa bimbang dan takut.

Menyentuh tentang RELA pula, saya suka memaklumkan bahawa mereka juga tidak ketinggalan mengadakan kursus-kursus tertentu kepada Ketua Yunit dan ahli-ahlinya termasuk cara-cara mendapatkan maklumat serta feed-back dan juga taktik-tektik musuh. Maklumat-maklumat penting yang terdapat sentiasa disampaikan kepada pihak polis supaya polis dapat bertindak. Sehingga ini hasil daripada usaha-usaha tersebut telah memberi kesan yang berguna terutamanya di kawasan-kawasan perbatasan Malaysia/Thai dan negeri-negeri yang sensitif.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada setengah-setengah kawasan penubuhan Rela tidak mendapat sokongan ataupun setengah-setengah Wakil Rakyat tidak puas hati terutama Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Apakah perhatian diberi dalam hal ini sekiranya pihak yang berkenaan tahu samada hendak menyusun semula ataupun apakah tindakan seterusnya di dalam hal ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat memberitahu sektor-sektor di mana Wakil Rakyat tidak berpuas hati atas Rela, Kementerian berkenaan bolehlah mengambil tindakan yang sewajarnya.

PESTA BOLA MERDEKA

2. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar hanya 7 buah negara yang menyertai Pesta Bola Merdeka, 1976, jika ya, mengapakah negara-negara lain yang biasa menyertainya tidak hadir di dalam pesta kali ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedari hanya 7 buah negara yang menyertai Pesta Bola Merdeka 1976.

Negara-negara yang telah dijemput berjumlah 10 buah negara iaitu:

- (i) Burma
- (ii) Korea Selatan
- (iii) Korea Utara
- (iv) Jepun
- (v) Indonesia
- (vi) Thailand
- (vii) India
- (viii) Iraq
- (ix) Iran
- (x) Hong Kong

Dari 10 buah negara yang telah diundang itu hanya 6 buah negara sahaja telah menyertai pertandingan tersebut. Negara-negara tersebut adalah:

- (a) Burma
- (b) Korea Selatan
- (c) Jepun
- (d) Indonesia
- (e) India
- (f) Thailand

Negara-negara yang telah tidak dapat menyertai kejohanan ini telah memberi alasan seperti berikut:

- (a) *Korea Utara dan Iran*

Kerana sibuk dengan persediaan bagi menyertai Sukan Olimpik 1976.

- (b) *Iraq*

Kerana kesuntukan masa menyediakan pasukan yang kuat.

- (c) *Hong Kong*

Kerana pasukannya sedang melawat Australia.

KILANG PADI

3. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah kilang padi yang diusahakan tanpa lesen mengikut negeri. Dan nyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasinya.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kilang padi yang diusahakan tanpa lesen tidak dapat diketahui dengan sebenarnya tetapi mengikut kajian kasar jumlah yang terdapat mengikut negeri ialah seperti berikut:

Negeri	Kilang Haram
Perlis	50
Kedah	450
Kelantan	700-800
Selangor	200

Perlesenan ke atas kilang padi masih dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali bagi negeri Selangor.

Oleh kerana tanggungjawab perlesenan padi ini adalah termasuk dalam bidang tugas Lembaga Padi dan Beras Negara dan sangat-sangat perlu diselaraskan untuk faedah perusahaan padi dan beras keseluruhannya, Lembaga Padi dan Beras Negara akan mengambil alih mengeluarkan lesen kilang padi dengan secara berperingkat-peringkat selepas selesai perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, adakah sekarang ini masih berlaku lagi kilang-kilang padi haram yang baru masih dibuat sehingga sekarang ini. Saya kurang jelas mengenai tindakan yang dapat menyelesaikan masalah kilang padi haram ini.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta diulang sekali lagi soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong bercakap kuat sedikit Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Api muke ini tidak menyala.

Tuan Yang di-Pertua: Api mike tidak menyala!

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan saya begini: Daripada jumlah kilang-kilang padi haram yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah sekarang ini masih berlaku penambahan kilang-kilang padi haram di seluruh negara kita.

Yang keduanya, saya kurang jelas mengenai tindakan yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan terhadap kilang-kilang haram yang ada sekarang ini. Jadi saya minta kalau boleh penerangan yang lebih jelas.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, samada ada lagi kilang haram didirikan atau dibina pada masa ini kuranglah saya mengetahui dengan sebab pegawai L.P.N. ini sangat sedikit bilangannya dan mereka bertumpu kepada bandar-bandar terutama ibu negeri ataupun daerah-daerah yang besar sahaja. Oleh itu, mereka tidak dapat hendak melawat kepada semua kawasan-kawasan dalam tiap-tiap buah negeri, kecuali mereka mendapat maklumat barulah mereka mengetahui. Jadi tidak dapatlah saya hendak memastikan samada masih lagi didirikan kilang-kilang haram ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua, kalau sekiranya ada didapati didirikan bolehlah pihak Lembaga Padi dan Beras Negara mengambil tindakan, tetapi sayugia dimaklumkan bahawa mengikut amalan sekarang seperti saya sebut tadi perlesenan ini masih lagi dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali Negeri Selangor sahaja.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan bercadang untuk menimbang supaya diberi lesen kepada kilang-kilang haram yang lama, samada Kementerian berkenaan bercadang hendak membataskan untuk diberi pertimbangan lesen ini mengikut kadar lama masa kilang itu didirikan.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya tahu iaitu kebanyakan kilang-kilang yang lama dan yang haram ini adalah menggunakan jentera-jentera yang sudah lama yang sudah tidak dapat mengeluarkan beras yang bermutu lagi. Tugas Lembaga Padi dan

Beras Negara hendak menjaga mutu beras. Kalau menghalalkan kilang yang seumpama itu maka tidaklah dapat beras yang bagus yang dikisarkan oleh kilang-kilang itu. Tetapi sekiranya kilang-kilang ini dapat menukarkan enjin yang baru dan boleh mengeluarkan beras yang bermutu serta boleh dimasukkan kategori commercial dalam lapangan perniagaan, maka sudah tentu Lembaga Padi dan Beras Negara akan memberi pertimbangan.

PERKHIDMATAN WAJIB PEGAWAI PERUBATAN

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada perkhidmatan 2 tahun yang diwajibkan kepada pegawai-pegawai perubatan kini telah dapat digunakan faedahnya untuk mereka menjalani latihan vokesyenal ke arah persediaan mengambil peperiksaan post graduate perubatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu begini: Perkhidmatan wajib 2 tahun yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perubatan sekarang telah dijadikan 3 tahun. Tujuan utama Perkhidmatan wajib itu ialah untuk mendapatkan perkhidmatan lebih luas doktor-doktor bagi mengendalikan perkhidmatan rawatan dan kesihatan di negara kita. Bagaimanapun, Perkhidmatan wajib ini telah memberi faedah besar juga kepada Pegawai-pegawai Perubatan yang baru dilantik. Doktor-doktor muda yang tidak berpengalaman ini diberi latihan dan peluang untuk mendapatkan pengalaman yang lebih luas di dalam semua cawangan amali am perubatan yang telah juga menjadi salah satu daripada tujuan Perkhidmatan Wajib tersebut. Dalam tempoh perkhidmatan itu, doktor-doktor muda berkenaan dapat membuat persediaan dengan sendiri bagi peperiksaan Bahagian Pertama dalam bidang kepakaran. Setelah 2 tahun tempoh perkhidmatan, doktor-doktor muda itu seberapa bolehnya ditempatkan di Yunit Kepakaran yang mereka pilih untuk meneruskan pengajian lanjut dan mendapatkan latihan praktikal dalam bidang yang mereka pilih untuk mengambil peperiksaan kelulusan lepasan ijazah.

IBUSAWAT TALIPON SEREMBAN

5. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah Seremban dan bandar-bandar besar yang lain akan mengadakan sistem dial terus menerus untuk perhubungan talipon di dalam negara dan samada boleh diadakan perhubungan radio-talipon untuk doktor-doktor dan orang-orang professional dan juga untuk teksi-teksi bergerak.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, Ibusawat Talipon Seremban yang baru dengan muatan 5000 talian sedang dipasang dan dijangka siap pada bulan Jun, 1977. Dengan perlaksanaan ibusawat baru ini pelanggan-pelanggan di Seremban akan dapat mendial terus-menerus (iaitu dengan cara S.T.D.) kesemua ibusawat-ibusawat dial terus di Semenanjung Malaysia. Kemudahan dial terus ini telahpun diberi kepada pelanggan-pelanggan di Port Dickson.

Ibusawat-ibusawat baru juga akan dipasang di bandar-bandar besar yang lain di Negeri Sembilan seperti Kuala Pilah, Tampin, Kuala Kelawang, Rembau dan sebagainya. Dengan siapnya ibusawat-ibusawat ini pada pertengahan tahun 1978, pelanggan-pelanggan di bandar-bandar tersebut akan juga mendapat sistem dial terus tersebut.

Tentang kemudahan radio-talipon untuk orang awam di bandar Seremban, Jabatan Talikom berpendapat bahawa setakat ini tidak ada permohonan yang tertentu untuk kemudahan ini. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada orang-orang atau pihak-pihak swasta yang berminat atas kemudahan ini, mereka dinasihatkan supaya membuat permohonan kepada Pejabat Talikom, Seremban, dan jika didapati kemudahan ini dikehendaki oleh jumlah pelanggan yang berpatutan, maka tindakan akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI NEW ZEALAND/AUSTRALIA

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa penuntut-penuntut kita di New Zealand dan Australia pada masa ini kekurangan wang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya dapati soalan yang dikemukakan ini kurang tepat. Saya tidak dapat memastikan samada Ahli Yang Berhormat itu memaksudkan pelajar-pelajar persendirian ataupun pemegang-pemegang biasiswa yang kekurangan wang di kedua buah negara itu. Tetapi saya percaya maksud sebenar Ahli Yang Berhormat itu ialah bahawa elaun biasiswa yang dibayar oleh Kerajaan Malaysia untuk pengajian di Australia dan New Zealand tidak mencukupi.

Jika maksudnya demikian, maka saya suka menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran tidak pula menerima apa-apa rayuan daripada mana-mana pihak yang mengatakan bahawa jumlah elaun biasiswa mereka tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar tentang kenaikan kadar sara hidup yang sedang meningkat di setengah negara, dan jika elaun biasiswa yang dibayar oleh Kerajaan kepada pelajar-pelajar di Australia dan New Zealand itu benar-benar tidak mencukupi, maka perkara ini bolehlah dipertimbangkan oleh Kerajaan.

JUALAN HARAM ALATULIS KEPUNYAAN KERAJAAN

7. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar banyak alatulis kepunyaan Kerajaan telah dijual secara haram di kedai-kedai, dan jika benar apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, hingga sekarang hanya satu kes sahaja penjualan alat-alat tulis kepunyaan Kerajaan yang dilaporkan berlaku iaitu di Wilayah Persekutuan yang melibatkan barang-barang bekalan Kerajaan bernilai lebih kurang \$20,000.

Tindakan Mahkamah telah diambil ke atas Pengurusnya yang telah didapati bersalah di bawah Seksyen 29 (1) Undang-undang Kesalahan Kechil No. 3/55 dan dihukum mengikat jamin sebanyak \$500 untuk berkelakuan baik selama 1 tahun. Manakala seorang buruh setor MARDI juga telah ditangkap bersabit dengan kes itu dan dituduh di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan. Kes terhadapnya akan dibicarakan tahun depan (26-5-77).

Walau bagaimanapun sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat atau kes-kes yang tertentu dan nyata, silalah kemukakan kepada Kementerian ini untuk disiasat dengan lebih lanjut.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, apa akan jadi kepada barang-barang yang dijual oleh pekedai itu, adakah dirampas dan adakah orang yang membeli itu dihukum atau ditangkap juga?

Datuk Shariff Ahmad: Ya.

TABUNG PEMBANGUNAN SAUDI

8. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan projek-projek kini yang dibiayai daripada Tabung Saudi untuk kemajuan dan juga memberi satu laporan kemajuan tentang mesyuarat Suruhanjaya Bersama Saudi-Malaysia yang diadakan pada bulan Ogos ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini empat projek pembangunan adalah dibiayai oleh Tabung Pembangunan Saudi seperti berikut:

- (a) Rancangan Kemajuan Tanah Pahang Tenggara
- (b) Rancangan Kemajuan Tanah Ulu Kelantan
- (c) Universiti Teknologi Malaysia
- (d) Untuk membina sebuah Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan.

Berkenaan dengan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Saudi-Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos baru-baru ini, suka saya memaklumkan bahawa mesyuarat itu telah diadakan dalam suasana yang sungguh mesra dan muhibbah. Ini mencerminkan hubungan yang sangat erat di antara dua negara Islam. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan mesyuarat ini ialah untuk menentukan bidang-bidang kerjasama di antara dua negara tersebut. Dan mesyuarat ini telah berjaya menentukan bidang-bidang kerjasama itu iaitu di dalam ekonomi, kebudayaan dan teknik, perdagangan dan pelaburan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

menerangkan sedikit sebanyak berhubung dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada kita ketika kita mengambil wang daripada Tabung Saudi ini, samada dalam pembukaan tanah ataupun projek yang lain?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu luar daripada soalan asal, tetapi walau bagaimanapun saya menerangkan di sini dengan secara ringkas bahawa wang yang telah dapat dipinjam daripada Saudi Arabia itu ialah dengan kadar faedah yang rendah dan dengan bayaran yang panjang masanya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, untuk Rancangan Kemajuan Tanah Pahang Tenggara sahaja jumlah wang yang dipinjam ialah \$62 juta bersamaan dengan 86.1 juta Saudi Rial. Bagi Rancangan Kemajuan Tanah Ulu Kelantan ialah \$46 juta bersamaan dengan 64 juta Saudi Rial dan untuk Universiti Teknologi Malaysia \$44 juta bersamaan dengan 61.95 juta Saudi Rial. Di Universiti Kebangsaan Malaysia pula sebanyak \$41 juta bersamaan dengan 56 juta Saudi Rial.

KESELAMATAN PELAYARAN DI SELAT MELAKA

9. Tuan Lim Kiam Hoon (*di bawah S.O. 24*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mengharamkan semua kapal-kapal tangki minyak yang besar dari menggunakan Selat Melaka sehingga cara menjaga keselamatan yang mencukupi kepada kepentingan ekonomi dan alam sekitar negara ini telah dikuatkuasakan. Apakah kesannya selepas trajidi minyak tumpah dari Kapal Diego Silang.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama soalan Yang Berhormat itu menurut hukum undang-undang antarabangsa kapal-kapal negara asing adalah menikmati hak lalu secara ikhlas (*innocent passage*) menerusi selat-selat yang digunakan bagi pelayaran antarabangsa. Sesebuah Negara pantai tidak berhak melarang pelayaran sesebuah kapal melainkan jika pelayaran itu akan memudaratkan kepentingan-kepentingan keselamatan Negara itu. Kovenyen Geneva mengenai Undang-undang Laut 1958, yang dianggotai oleh

Malaysia tidak membenarkan sesebuah Negara pantai melarang pelayaran kapal-kapal tangki minyak yang besar semata-mata dengan alasan bahawa pelayaran itu adalah suatu ancaman kepada kepentingan-kepentingan ekonomi dan alam sekitar Negara itu.

Walau bagaimanapun, Konvensyen 1958 itu sedang disemak semula oleh Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut yang ada sekarang untuk memenuhi keperluan-keperluan baru Negara-negara.

Kerajaan Malaysia benar-benar berharap bahawa Persidangan itu akan memasukkan suatu peruntukan baru ke dalam Konvensyen suatu depan mengenai Undang-undang Laut dengan mana sesebuah Negara pantai adalah diberi kuasa untuk menyekat pelayaran kapal-kapal minyak yang besar jika pelayaran itu mendatangkan sesuatu ancaman kepada alam sekitar Negara itu.

Semasa sidang akhir Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut yang diadakan di New York dalam bulan Ogos dan September tahun ini, Perwakilan Malaysia, telah mengemukakan beberapa cadangan mengenai soal selat-selat. Satu daripada cadangan-cadangan itu ialah satu gubalan artikal berhubung dengan pelayaran kapal-kapal tangki minyak yang besar melalui selat-selat yang cetek sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi.

Sukacita saya menyatakan bahawa banyak negara telah menyambut baik cadangan ini. Rundangan-rundangan masih berterusan dan segala usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan lebih banyak lagi negara menyokong cadangan ini.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu akibat pelanggaran di antara kapal tangki minyak Diego Silang dengan dua buah kapal lain di Selat Melaka, kapal Diego Silang telah rosak teruk dan lebih kurang 7,000 tan minyak dari kapal tangki itu telah tumpah ke dalam laut. Minyak itu telah merebak ke kawasan laut kira-kira 45 batu luasnya.

Dengan tindakan segera Angkatan Laut dan Jabatan Laut, kita telah dapat menahan minyak itu daripada hanyut ke pinggir laut. Hanya beberapa tompok sahaja daripada tumpahan minyak itu terlepas daripada

kawalan kapal-kapal Tentera Laut dan Jabatan Laut pada waktu malam. Setengah-setengah daripada tompok-tompok tumpahan minyak ini telah hanyut ke Kuala Sungai Muar. Walau bagaimanapun, minyak yang hanyut ke pinggir laut kita adalah sedikit.

Banyak penyerak kimia (chemical dispersants) telah digunakan untuk menahan minyak daripada hanyut ke pantai kita. Jika kita tidak gunakan penyerak kimia ini sudah tentulah banyak minyak hanyut ke pantai, dan bahaya-bahaya pun mungkin didatangkan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Angkatan Laut untuk membersihkan kekotoran akibat dari pelanggaran tersebut?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak boleh disebutkan dalam soalan yang asal.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan sedikit dalam Dewan ini apakah sebenarnya isi kandungan artikal yang dicadangkan oleh wakil daripada Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu?

Tuan Rais Yatim: Secara am kandungan isi artikal yang dicadangkan oleh wakil Malaysia di Persidangan tersebut ialah supaya mengelakkan berlakunya perkara-perkara seperti peristiwa Diego Silang itu. Kita maklum, perairan Selat Melaka adalah cetek dan oleh yang demikian perlu mengambil tindakan undang-undang walaupun di peringkat antarabangsa supaya kedudukan perkapalan melalui Selat ini dapat dicegah melalui peruntukan undang-undang.

PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

10. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar bahawa Kerajaan mengarahkan Bank-bank supaya memberi pinjaman dan bantuan kepada Bumiputra untuk mencebur dalam bidang perniagaan, dan samada beliau sedar bahawa syarat-syarat untuk mendapatkan pinjaman itu terlalu ketat, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada mengarahkan Bank-bank supaya memberi pinjaman dan kemudahan-kemudahan yang lain kepada bumiputra untuk mereka turut serta di dalam lapangan perniagaan. Dalam bulan Februari, 1976, Bank Negara telah mengeluarkan satu Pekeliling kepada semua bank-bank perdagangan iaitu daripada jumlah tambahan wang pinjaman yang dikeluarkan oleh mereka, sekurang-kurangnya 50% daripadanya hendaklah diuntukkan kepada pinjaman bagi (1) bumiputra, (2) sektor pembuatan (3) pertanian dan (4) perumahan untuk orang-orang perseorangan. Tetapi mulai daripada 1hb Oktober, 1976, Bank Negara telah mengeluarkan satu Pekeliling lagi yang menentukan iaitu sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah tambahan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan adalah diuntukkan kepada bumiputra sama ada secara perseorangan ataupun syarikat-syarikat yang dikuasai penuh oleh bumiputra. Namun begitu ini tidaklah bermakna yang bumiputra tidak akan diberi pinjaman di bawah peruntukan-peruntukan yang lain daripada peruntukan minima sebanyak 20% itu.

Untuk pinjaman-pinjaman yang akan diluluskan di bawah peruntukan sebanyak 20% itu, maka had maksima faedah yang akan dikenakan kepada peminjam bumiputra ialah sebanyak 10% setahun. Ini tidak menyentuh kemudahan-kemudahan di bawah Perbadanan Jaminan Kredit atau dikenali ramai sebagai sekim C.G.C. di mana bumiputra boleh membuat pinjaman sebanyak \$30,000, tanpa cagaran atau cagaran hanya dikenakan sebanyak 70% sahaja daripada pinjaman maksima yang berjumlah sebanyak \$200,000 dengan kadar faedah sebanyak 8½%. Selain daripada itu Bank Negara juga telah meminta bank-bank perdagangan supaya ditubuhkan sebuah Yunit Khas di tiap-tiap bank dan cawangan-cawangannya dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai khas untuk memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pelanggan-pelanggan bumiputra.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan untuk mendapat pinjaman biasanya bergantung kepada beberapa faktor seperti tujuan pinjaman, "viability" projek yang hendak dijalankan, lama masa pinjaman itu hendak digunakan dan yang

lebih penting lagi ialah pertimbangan dari beberapa aspek tentang kebolehan peminjam untuk membayar balik pinjaman yang dipohon itu. Ini terpaksa dibuat kerana bank-bank perdagangan sebagai institusi kewangan yang bertanggungjawab adalah dikehendaki menjaga dan mengawal wang orang ramai yang disimpan dengan mereka, kerana jika tidak orang ramai akan hilang kepercayaan terhadap bank-bank perdagangan dan orang ramai tidak akan menyimpan wang mereka dengan bank-bank tersebut yang tidak boleh menjamin wang simpanan itu kerana disalurkan atau tidak dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh peminjam-peminjam sehingga tidak dapat dibayar balik pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan oleh bank-bank perdagangan yang berkenaan. Oleh itu sesuatu permohonan pinjaman hanya akan diluluskan atau ditolak setelah bank-bank yang berkenaan telah menimbang segala aspek mengenai permohonan yang diterima. Samada syarat yang akan dikenakan oleh bank itu ketat atau longgar bergantunglah kepada sejauh mana satu-satu bank itu dapati samada wang yang dipinjamkan itu akan mendatangkan faedah dan keuntungan kepada sipeminjam serta keupayaan untuk membayar balik pinjaman serta faedah kepada bank-bank untuk menyelamatkan wang yang disimpan oleh orang ramai.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jikalau ada diskriminasi daripada Bank, kemana-kah rakyat hendak mengadu? Saya suka memberi contoh. Sebuah syarikat yang mengeluarkan hasil batu-bata daripada Temerloh telah diluluskan \$100,000 oleh Bank Pembangunan. Syaratnya syarikat ini mestilah mempunyai working capital sebanyak \$17,500. Dan syarikat ini telah pergi kepada Sekim Jaminan Kredit (C.G.C.) dan C.G.C. telah menengok kertas-kertas kerja (working papers) berkenaan dan merekomen kepada Hong Kong and Shanghai Bank di Lebuhr Pasar Besar, Kuala Lumpur. Dan Hong Kong and Shanghai Bank mengatakan projek itu tidak viable dan tidak memberi working capital sedangkan Bank Pembangunan telah meluluskan \$100,000.00. Jadi disinilah lahirnya double standard di antara satu bank dengan satu bank dan juga C.G.C.

Jadi, dalam perkara seperti ini di manakah rakyat boleh mengadu dan kalau mengadu, bolehkah Menteri mengambil tindakan sewajarnya?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara ini ada berlaku di beberapa tempat dan mengikut keadaan. Dan tempat pengaduan ialah Bank Negara dan boleh juga mengadu terus kepada saya dan saya jamin saya akan mengambil tindakan kalau ada diskriminasi terhadap mana-mana sipemohon.

BUKU-BUKU TEKS PINJAMAN

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar dengan adanya pinjaman buku-buku teks ke sekolah pada tiap-tiap tahun dipulangkan balik menyebabkan kesulitan pada murid-murid untuk mengulang kaji pelajaran mereka, dan apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi hal tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buku-buku teks pinjaman perlu dipulangkan balik dihujung tahun supaya pihak sekolah dapat memeriksa keadaan buku dan menutup Buku Setok seperti yang dikehendaki oleh peraturan akaun. Kerja-kerja ini tentu sekali akan mengambil masa dan biasanya ini akan berpenjangan ke cuti sekolah penggal tiga. Hanya setelah buku-buku teks diperiksa dan Buku Setok ditutup baharulah buku teks ini diberi pinjam semula dengan Buku Setok dibuka untuk tahun persekolahan seterusnya.

Buku-buku teks boleh dipinjamkan kepada murid yang akan naik ke Tingkatan 2, 3 dan 5 di Sekolah Menengah dan ke Darjah 2, 3, 4, 5 dan 6 di Sekolah Rendah dengan syarat:

- (i) Buku Setok telah ditutup dan seterusnya ia dibuka bagi tahun persekolahan baharu;
- (ii) Pihak sekolah telah selesai menjalani peperiksaan darjah/sekolah, kertas diperiksa dan penempatan murid bagi tahun hadapan ditentukan; dan
- (iii) Murid adalah bertanggungjawab menjaga buku teks yang dipinjamkan supaya ianya tidak pula rosak dan hilang disebabkan lalai dan cuai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buku-buku teks tidak dapat dipinjamkan kepada murid-murid yang akan menaiki kelas-kelas Tingkatan 1, 4 dan 6 Rendah di Sekolah Menengah dan Darjah 1 di Sekolah Rendah disebabkan bilangan murid yang akan memasuki kelas-kelas tersebut belum dapat diketahui sebelum sekolah tutup.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa satu kerumitan besar yang dihadapi apabila kita usahakan rancangan meminjamkan buku teks semasa cuti panjang sekolah ialah kemungkinan berlakunya murid bertukar sekolah dan murid bertukar mata-pelajaran. Apabila ini berlaku, walaupun dua tiga orang murid sahaja yang terlibat, ia akan menyusahkan kerja-kerja mengisi rekod pada Buku Setok, lebih-lebih lagi apabila kita fikirkan yang kerja-kerja seperti ini adalah dijalankan oleh guru sendiri yang masanya untuk mengajar tentu sekali akan terganggu.

BAJA-BAJA TEMBAKAU

12. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa baja-baja tembakau yang dikekalkan kepada penanam-penanam tembakau di Pantai Timur khususnya di Trengganu pada tahun ini tidak sesuai dan menyebabkan kerugian besar kepada penanam-penanam. Kalau sedar, apakah tindakan yang telah diambil dan kalau tidak sedar, adakah Kementerianya bercadang hendak menyiasat perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa baja-baja tembakau yang disyorkan oleh Lembaga Tembakau Negara adalah hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Instituit Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), L.T.N. dan Syarikat Malayan Tobacco. Baja tembakau yang diedarkan pada masa sekarang ialah jenis baja campuran. Lembaga Tembakau Negara telah menjalankan beberapa analisa ke atas baja-baja dan telah didapati bahawa kadangkala keputusan analisa itu adalah berlainan daripada perincian-perincian yang dikehendaki. Walau bagaimanapun pihak L.T.N. tidak dapat memastikan samada ini adalah disengajakan oleh pembekal-pembekal baja ataupun perbezaan-perbezaan ini tidak dapat dielakkan oleh kerana ciri-ciri

baja campuran. Tambahan pula pada masa sekarang undang-undang yang kemas mengenai pembekalan baja-baja terutama baja campuran masih belum berubah. Faktor pertama yang mengakibatkan pengeluaran yang tidak memuaskan dalam tahun 1976 ialah keadaan cuaca yang tidak baik.

Saya suka juga memberitahu bahawa L.T.N. sedang berusaha untuk menguji beberapa jenis baja kompaun yang mutunya dapat dijamin. Kajian-kajian ini diharapkan dapat dijalankan di dalam tahun 1977 untuk menentukan kesesuaian baja kompaun sebelum disyorkan kepada penanam-penanam.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar bukan sahaja penanam-penanam ini menghadapi masalah sub-standard baja tembakau bahkan juga berlaku sub-standard bekalan baja kepada penanaman-penanaman semula getah. Kalau sedar, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam perkara ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang samada di ladang tembakau atau di ladang getah mengenai baja-baja yang digunakan. Sebab itu, seperti saya katakan tadi, Kerajaan ada bercadang untuk mengadakan undang-undang supaya pembekal baja campuran khususnya dapat dikawal dan ini ialah untuk mengatasi masalah yang disebutkan tadi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa undang-undang untuk mengawal campuran baja ini belum digubal. Apa yang saya ingin tahu, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengubal undang-undang ini dengan segera supaya undang-undang ini dapat dijalankan bagi menjamin tiap-tiap pembeli baja itu menerima baja yang benar-benar mengikut campuran yang dikehendaki.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebelum undang-undang itu digubal, Kementerian saya mesti berhubung dengan Kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Pertanian untuk mendapatkan segala cadangan untuk mengawal pembekal-pembekal baja itu dan saya harap

dengan gubahan undang-undang ini kawalan rapi dapat dijalankan supaya masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam tembakau boleh dapat dielakkan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Apa yang saya sentuhkan di sini mengenai apa yang telah berlaku. Apa yang saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah Kementerian yang berkenaan telah membuat kajian ataupun penyiasatan tentang tidak tentunya campuran baja ini sebagaimana yang dilaporkan berlaku di Pantai Timur pada tahun lepas.

Tuan Lew Sip Hon: Berkenaan dengan baja-baja yang digunakan oleh penanam-penanam tembakau di Pantai Timur khususnya di Trengganu, yang saya dapati bahawa perincian (specification) untuk baja jenis ini tidak terjamin oleh kerana ada dua sebab. Pertama, pengasingan atau segregation bahan-bahan baja tersebut berlaku disebabkan oleh saiznya berlainan. Dan ada kemungkinan berlaku reaksi kimia di antara bahan-bahan yang digunakan, dengan ini mengakibatkan baja yang digunakan itu barangkali tidak berapa sesuai.

TANAH BERMILIK DI WILAYAH PERSEKUTUAN

13. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa ramai penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan tidak mengetahui syarat-syarat dan keadaan tanah mereka yang dimilikinya setelah kawasannya memasuki Wilayah Persekutuan. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memberi maklumat dan keterangan atau penjelasan.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, segala pentadbiran tanah tidak berubah dan masih lagi tertakluk di bawah Kuatkuasa Kanun Tanah Negara. Oleh yang demikian, segala syarat-syarat dan keadaan tanah bermilik yang sekarang ini termasuk dalam kawasan Wilayah Persekutuan, tidak akan mengalami apa-apa perubahan. Adalah dinyatakan, pada kebiasaannya, tiap-tiap tuan tanah

yang akan memajukan tanah mereka akan diberi penjelasan secukupnya mengenai apa-apa jua peraturan yang diwajibkan, apabila permohonan mereka itu diterima oleh Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, yang tanah ini syarat-syaratnya tidak berubah tetapi masalah orang ramai menganggap apabila ditubuhkan Wilayah Persekutuan, tanah mereka misalnya kalau masih lagi untuk bercucuk tanam dia menganggap seolah-olah mereka boleh membuat rumah kerana ada buktinya, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang saya hendak minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menerangkan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian iaitu misalnya di kawasan Gombak, ramai di antara tuan punya tanah yang tanahnya itu belum ditukar syarat, tiba-tiba sudah berani membangunkan rumah berderet untuk dijual kepada orang ramai dan menyusahkan orang kampung yang ada di sebelah belakangnya menutup jalan dan sebagainya. Begitu juga di kawasan Setapak Garden sebuah pengilang kayu (sawmill) ditubuhkan berhampiran dengan kawasan itu, jadi nampaknya seolah-olah apabila disoalkan kepada mereka, mereka itu menganggap tanah mereka itu termasuk dalam kawasan Wilayah Persekutuan sesuka hati mereka hendak buat kerana sangkaan mereka tadi. Inilah yang saya tujukan soalan saya tadi, apakah usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan dalam perkara ini supaya tidak menyulitkan orang ramai dan supaya tidak ada pula pihak yang tertentu mengambil kesempatan dengan adanya perubahan daripada Kerajaan Negeri Selangor jadi Wilayah Persekutuan. Saya minta penjelasan dan jaminan daripada Kementerian, apakah tindakan yang hendak diambil terhadap mereka yang telah melakukan perkara ini.

Dr Ling Liong Sik: Oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu sudah memberi butir-butir yang telah terjadi, saya akan mengambil perhatian yang berat untuk memberi keterangan yang jelas sekali mengenai keadaan tanah di Wilayah Persekutuan dan disebarkan keterangan ini untuk pengetahuan umum.

MAJUIKAN

14. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kemajuan telah dicapai dalam menambah pendapatan nelayan-nelayan bumiputra di seluruh negara semenjak ditubuhkan MAJUIKAN.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kaum nelayan bukanlah semata-mata terletak pada MAJUIKAN. Agensi-agensi Kerajaan yang lain iaitu Jabatan Perikanan, Bank Pertanian, Perbadanan Jaminan Kredit dan juga Bank-bank Perdagangan adalah sama-sama memainkan peranan masing-masing untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kaum nelayan. Umpamanya, Rancangan Subsidi Nelayan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan adalah bertujuan untuk membolehkan nelayan memiliki bot dan alat-alat menangkap ikan sendiri serta mengubah cara menangkap ikan mereka kepada menggunakan alat-alat yang lebih mendatangkan hasil. Jabatan Perikanan juga menjalankan penyelidikan dan kajian sumber-sumber ikan dan alat-alat menangkap ikan yang sesuai bagi mengusahakan sumber-sumber itu. Hasil daripada kajian-kajian itu adalah disampaikan kepada nelayan-nelayan melalui perkhidmatan perkembangan dan latihan supaya mereka dapat mengusahakan sumber-sumber dan alat-alat menangkap ikan itu secara yang betul dan mendatangkan hasil yang lebih. Bank Pertanian, Perbadanan Jaminan Kredit dan Bank-bank Perdagangan pula mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman kepada nelayan untuk membina bot dan membeli alat-alat menangkap ikan baru serta lain-lain keperluan dalam perusahaan menangkap ikan supaya nelayan-nelayan dapat mengusahakan sumber-sumber dan alat-alat menangkap ikan yang lebih mendatangkan hasil serta pendapatan yang bertambah.

Mengenai MAJUIKAN, sejak ditubuhkan ia telah berjaya mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada nelayan-nelayan dalam projek-projek penangkapan ikan dan kilang-kilang yang didirikan. Hingga pada masa ini seramai kira-kira 1,000 orang

nelayan bekerja dalam projek-projek yang telah diadakan itu dan pendapatan purata mereka adalah di antara \$150-400 sebulan bergantung kepada kerajinan masing-masing.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara rancangan-rancangan untuk menambahkan pendapatan nelayan adalah subsidi injin kepada nelayan di mana setahu saya syarat-syarat yang dikenakan kepada nelayan ialah mempunyai bot, baru diberi bantuan subsidi injin. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa keadaan sekarang ini ada sedikit kelam-kabut di mana apakala permohonan ini ramai yang mempunyai kulit tetapi tidak mempunyai injin. Mereka mengharapkan mendapat bantuan subsidi injin daripada Kementerian tetapi yang dapat 2-3 orang sahaja. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan supaya diubah pula kepada cara yang lain, jangan tunggu sahaja seperti keadaan yang ada sekarang ini tidak menyenangkan nelayan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan untuk meminda polisi itu.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan dikaji pada masa akan datang.

PEGAWAI PEJABAT TANAH SIMPAN SURAT HAKMILIK

15. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ada setengah pegawai-pegawai di pejabat tanah menyimpan surat hakmilik pemaju-pemaju perumahan atas alasan bahawa quota penyertaan bumiputra belum dicapai oleh pemaju-pemaju yang berkaitan; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa menyimpan itu bukan sahaja satu halangan kepada pemaju-pemaju perumahan tetapi ia juga adalah satu pelanggaran Kanun Tanah Negara. Jika ya, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk membetulkan kedudukan itu.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa ada pegawai-pegawai Pejabat Tanah menyimpan kesemua surat-surat hakmilik kepunyaan pemaju-pemaju perumahan atas alasan bahawa quota penyertaan bumiputra belum dicapai oleh pemaju-pemaju yang berkaitan.

Dasar Kerajaan mengenai dengan pembinaan rumah-rumah ialah untuk menentukan bahawa pemilikan rumah-rumah yang dibina hendaklah diuntukkan sekurang-kurangnya 30% kepada bumiputra. Bagi melaksanakan dasar ini Kerajaan-kerajaan Negeri apabila menimbangkan permohonan-permohonan tukar syarat tanah kepada perumahan telah mengenakan syarat ke atas kelulusan permohonan-permohonan tersebut supaya pihak pemaju menjualkan sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah yang akan dibina itu kepada bumiputra.

Bagi setengah-setengah negeri pembeli bumiputra adalah agak susah sedikit untuk dicari. Oleh itu, bagi menentukan bahawa dasar Kerajaan ini dipenuhi maka pihak Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut dengan persetujuan daripada pemaju-pemaju telah menyimpankan 30% daripada surat-surat hakmilik itu di Pejabat-pejabat Tanah dan selainnya itu dikeluarkan kepada pemaju-pemaju. Simpanan ini adalah dalam tempoh yang tertentu. Dalam tempoh itu pihak pemaju akan menjalankan segala ikhtiar yang sepenuhnya dengan mengadakan iklan di akhbar-akhbar atau mengemukakan rancangan-rancangan mereka kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ataupun kepada Dewan Perniagaan Bumiputra Negeri supaya rumah-rumah sebanyak 30% itu dijual kepada bumiputra. Setelah tempoh itu tamat, surat-surat hakmilik yang disimpan itu dikeluarkan ke semuanya kepada pemaju-pemaju. Jika penyimpanan surat-surat hakmilik ini berlaku dengan tidak ada mempunyai sebab-sebab yang tertentu maka perbuatan ini adalah melanggar peruntukan-peruntukan Undang-undang seperti terkandung dalam Kanun Tanah Negara. Pihak Kementerian ini sentiasa mengawasi perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya atas pihak-pihak yang cuba melakukannya.

JURUTERA DI PERLIS

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar Pegawai-pegawai Kejuruteraan sangat berkurangan misalnya di Perlis hanya seorang sahaja pegawai Kejuruteraan. Jika sedar tidakkah Kerajaan bercadang akan menambah bilangan mereka untuk menjalankan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan jika ya, bila.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, ya saya sedar bahawa dengan bertambah beban kerja (work load) di dalam Rancangan Malaysia Ketiga khususnya di negeri Perlis, jawatan Jurutera perlu ditambah lagi. Kementerian saya sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghantar seorang lagi Jurutera Awam ke negeri Perlis untuk membantu melaksanakan projek-projek Kerajaan Persekutuan di negeri tersebut.

MENYALAHGUNAKAN SENJATAPI

17. Tuan Shaari bin Jusoh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar Kerajaan hanya sanggup menahan mereka yang terlibat dalam menyalahgunakan senjata api dikenakan tahanan menurut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sedangkan menurut Akta senjata api mereka itu boleh dihukum mati.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar. Mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan juga Akta Senjata api (Penalti Lebih Berat), 1971, sesiapa yang didapati ada hubungan dengan senjata api tanpa kebenaran yang sah akan dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan hukuman yang setimpal. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ada kesalahan-kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati dan begitu juga di bawah Akta Senjata api (Penalti Lebih Berat), 1971, ini terserahlah kepada Peguam Negara untuk menentukan

di bawah undang-undang manakah pesalah itu didakwa. Di sini juga suka saya menegaskan Kerajaan belum pernah menahan sebarang siapa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 kerana semata-mata menyalahgunakan senjata api.

PASAR RIA DI SEKOLAH TINGGI CHUNG HWA, MUAR

18. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis tidak membenarkan sekolah Tinggi Chung Hwa, Muar, mengadakan Pasar Ria pada bulan September ini; mengapa pihak polis memberitahu keputusan mereka itu pada saat akhir sahaja yang telah menimbulkan lebih banyak masalah dan samada beliau akan mengarahkan supaya pemohon-pemohon diberitahu dahulu tentang keputusan polis itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kuasa memberi kebenaran mengadakan Pasar Ria di Sekolah Tinggi Chung Hwa adalah oleh Pegawai Daerah Muar. Oleh yang demikian, soal samada benar atau tidak Polis berikan kebenaran adalah tidak berbangkit.

PENGEDAR-PENGEDAR DADAH

19. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Undang-undang menyatakan, memandangkan semakin bertambahnya kegiatan penyalahgunaan dadah di negara ini sehingga Malaysia dianggap sebagai salah sebuah negara pengedar dadah di dunia ini walaupun usaha-usaha yang positif telah diadakan bolehkah beliau menerangkan:

- (a) jumlah kes-kes penyalahgunaan dadah, pengedaran dadah dan lain-lain kes yang bersangkutan berlaku di negara ini sehingga 30hb September, 1976 dan jumlah kes yang sama dalam masa yang sama tahun lalu;
- (b) jumlah pengedar-pengedar dadah yang telah dapat diberkas di negara ini dalam tahun ini dan apakah hukuman yang paling berat telah diambil terhadap mereka;

- (c) apakah tindakan Kerajaan untuk membasmi anggap negara-negara luar yang mengatakan bahawa Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menjadi pusat pengedaran dadah dunia terutama di Eropah dan di Amerika;
- (d) apakah tindakan atau hukuman yang boleh diambil oleh Kerajaan kita terhadap warganegara Malaysia yang terlibat secara langsung dalam sedikit pengedaran dadah dunia yang merosakan nama baik negara kita di mata dunia; dan
- (e) apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak "PEMADAM" ditubuhkan beberapa masa yang lalu.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perangkaan bersabit dengan kes-kes dadah dalam tahun ini hingga bulan September, 1976 adalah seperti berikut:

(i) Tangkapan:	2,967
(ii) Rampasan:	
	Candu mentah 905 lbs
	Candu masak .. 17 lbs 15 ozs
	Morphine .. 17 lbs 9 ozs
	Heroin .. 77 lbs 6 ozs
	Ganja (kering) 505 lbs 4 ozs
	Ganja (pokok) 9,010 pokok
	Bahan psaiкотropik 3,882 biji pil

Perangkaan dalam tempoh yang sama untuk tahun 1975 adalah seperti berikut:

(i) Tangkapan:	2,292
(ii) Rampasan:	
	Candu mentah 1,587 lbs
	Candu masak .. 180 lbs
	Morphine .. 32 lbs
	Heroin .. 132 lbs
	Ganja (kering) 815 lbs
	Ganja (pokok) 27,433 pokok
	Bahan psaiкотropik 52,112 biji pil

- (b) Sepanjang tahun ini sampai bulan September seramai 2,967 orang telah ditangkap bersabit dengan kesalahan kes-kes dadah di seluruh negara. Sungguhpun ada pengedar-pengedar dadah yang telah dituduh dalam mahkamah atas Akta pindaan baru di mana hukuman mati atau penjara seumur hidup dikenakan, kes-kes tersebut masih belum diselesaikan kesemuanya di Mahkamah Tinggi, melainkan satu sahaja di Perlis baru-baru ini di mana hukuman penjara seumur hidup dan disebat 12 rotan telah dijatuhkan.

- (c) Pada hakikatnya bukan semua dadah yang diseludup oleh rakyat Malaysia ke negara-negara Eropah dan Amerika itu dibawa dari Malaysia. Penjelasan dalam Dewan ini telahpun dibuat.

Selain daripada tugas-tugas yang dijalankan oleh Polis dan Kastam, Kerajaan juga sedang melaksanakan rancangan pembesaran Pusat Biro Narkotik supaya kawalan yang rapi dapat dijalankan di lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan lain-lain pintu masuk ke Malaysia untuk menyekat penyeludupan dadah dari dibawa keluar.

- (d) Selain dari mengawasi tindak-tanduk mereka apabila mereka kembali ke Malaysia, tidak ada tindakan lain dari segi undang-undang yang dapat diambil ke atas mereka yang berkenaan. Ini ialah kerana kesalahan yang mereka lakukan itu di luar Malaysia dan dengan itu tidak diliputi oleh kuasa undang-undang Malaysia. Dan lagi mereka itu telah dihukum di luar negeri. Kerajaan juga akan mengambil tindakan tidak akan mengeluarkan paspot untuk keluar negeri bagi mereka itu.

- (e) "PEMADAM" (Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia) ialah sebuah pertubuhan sukarela yang ditubuhkan untuk mengembeling seluruh tenaga rakyat bagi membentasi segala kegiatan berhubung dengan masalah salahguna dadah. Setakat ini PEMADAM mempunyai sebuah pusat pemulihan yang agak besar di Batu Gajah yang boleh memasukkan kira-kira 180 orang untuk pemulihan dan rawatan. Beberapa projek lagi akan diambil langkah dan berjalan di Kuala Lumpur iaitu di Bukit Petaling di mana akan dimuatkan kira-kira 30 orang untuk dirawat dan dipulihkan. Selain dari itu, berbagai-bagai rancangan dijalankan di semua peringkat termasuk daerah dan negeri. Setakat ini 9 buah negeri di Semenanjung telah menubuhkan PEMADAM dan PEMADAM di negeri Sabah akan ditubuhkan pada awal bulan Januari, 1977.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (22hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap hari ini kalau boleh kita hendak cuba habiskan dua Kementerian, iaitu Kementerian Pertanian yang peruntukannya telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri semenjak petang semalam dan lagi satu ialah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertanian menyambung ucapan beliau. Dijemput.

Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual)

Kepala P. 23 dan P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.33 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, saya sedang menyebutkan perkara yang berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang. Jadi, untuk mengembalikan ingatan Dewan ini semula, maka saya ulangi sedikit dan saya terus sambung.

Projek-projek Lembaga Pertubuhan Peladang di dalam tahun 1977 adalah merupakan projek-projek lanjutan dari tahun sebelumnya. Lembaga itu memerlukan \$15 juta untuk tujuan tersebut, yang kebanyakannya akan digunakan bagi mendirikan pusat-pusat kemajuan peladang, petak samaian, kompleks simpanan benih dan lain-lain.

Belanja Mengurus Lembaga itu adalah dianggarkan sebanyak \$11,390,000 iaitu tambahan sebanyak $\frac{1}{2}$ juta dari tahun sebelumnya. Pertambahan ini adalah berpunca dari pertambahan pegawai-pegawai Lembaga itu sendiri.

MARDI memohon \$15.5 juta bagi belanja pembangunan dan \$29.4 juta bagi belanja mengurus. MARDI masih mempunyai banyak kerja pembinaan, pembersihan tanah, pembelian jentera-jentera ladang dan pembelian alat-alat penyelidikan yang perlu dilaksanakan. Kerja-kerja ini juga kebanyakannya merupakan kerja-kerja sambungan dari tahun sebelumnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Bagi MAJUTERNAK pula, rancangan-rancangan pembangunannya untuk tahun hadapan termasuklah rancangan perusahaan tenusu atau "dairy", rancangan pengeluaran daging, dan rancangan memproses susu-susu ternakan. Kesemua rancangan ini adalah bercorak komersial. Tiga buah "dairy" komersial di Batu Arang, Behrang Ulu dan Jelai Gemas adalah dijangka dapat disiapkan di dalam tahun 1977, sementara projek pengeluaran dagingnya di Tersat, Padang Hijau dan Kelantan akan terus dilaksanakan dalam tahun baru.

Di Sarawak, rancangan pengeluaran daging di Sungai Kerabungan dekat Miri di jangka akan dapat menampung 2,000 ekor lembu sebelum akhir tahun 1977. Di Sabah pula MAJUTERNAK bercadang untuk menubuhkan sebuah syarikat usaha bersama ladang lembu daging dengan sekumpulan penternak-penternak tempatan.

Projek-projek pembangunan ini akan menelan belanja sebanyak \$16 juta dan belanja mengurus sebanyak \$10.4 juta. Dengan usaha-usaha MAJUTERNAK ini maka adalah diharap bekalan daging, susu dan sebagainya dari dalam negeri akan dapat cepat dan banyak bertambah untuk cuba memenuhi keperluan negara.

Tuan Pengerusi, peruntukan MAJUIKAN yang diperlukan ialah sebanyak \$56.1 juta, \$53 juta daripadanya adalah untuk perbelanjaan pembangunan dan bakinya bagi membiayai aktiviti-aktiviti pentadbiran dan perkhidmatan Lembaga itu.

Projek-projek pembangunan MAJUIKAN yang terbesar di dalam tahun 1977 ialah projek pukut tunda dan kompleks pendaratan ikan di Geting, Chendering dan Kuala Sedili yang memakan belanja lebih daripada \$35 juta. Dalam projek-projek ini termasuklah penubuhan sebuah anak syarikat bernama MAJUIKAN PANTAI TIMUR SDN. BHD. yang akan menjalankan projek pukut tunda itu. Sebahagian besar daripadanya akan di-biayai dari pinjaman Bank Pembangunan Asia. Di samping itu MAJUIKAN juga berharap dapat membina pejabat-pejabat koperasi nelayan di kebanyakan negeri supaya ia boleh memberi perkhidmatan lebih banyak lagi kepada nelayan-nelayan.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menganggarkan belanja mengurusnya sebanyak \$9.3 juta. Seperti yang kita sedia maklum rancangan MADA ini adalah salah satu rancangan pengairan yang terbesar dan paling berjaya sehingga ini. Penghasilan padi dari rancangan itu sahaja misalannya, adalah dianggarkan telah meningkat daripada 400 gantang kepada 795 gantang purata seekar semusim mengikut suatu kajian awal tahun lalu. MADA akan meneruskan satu kajian projek perintis kemudahan dan penyatuan tanah pada tahun hadapan dengan menggunakan peruntukan pembangunan sebanyak 700,000 dengan tujuan untuk menambahkan lagi pengeluaran padi. Begitu juga dengan kadar pinjaman dari ahli-ahli Persatuan Peladang yang terus meningkat dari tahun ke setahun yang menunjukkan bertambahnya aktiviti pembangunan di kawasan itu.

Jumlah belanja mengurus untuk Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) adalah dianggarkan sebanyak 6,874,700 iaitu kira-kira 2 juta lebih daripada peruntukan tahun 1976. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh bertambahnya aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dalam tahun 1977.

Bagi belanja pembangunan pula, \$100,000 telah diuntukkan bagi pembangunan Ibu Pejabat KADA. Sebanyak \$75,000 lagi adalah diuntukkan bagi rancangan pembiakan dan pembekalan benih yang akan diselenggarakan oleh Bahagian Pertanian KADA. Perbelanjaan-perbelanjaan ini tidak termasuk projek-projek yang telah diluluskan melalui projek Pembangunan Kelantan Utara, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Parit dan Taliair.

Untuk tahun 1977 Bank Pertanian dijangka akan mengeluarkan pinjaman bernilai \$56 juta untuk tujuan pertanian di seluruh Malaysia. Sebahagian besar dari jumlah ini ialah untuk tujuan padi dan tembakau. Dalam melaksanakan rancangan pinjaman bank dan mengkaji segala keperluan kewangan petani-petani dan di mana sesuai mengadakan rancangan-rancangan pinjaman tertentu untuk mengatasi keperluan kewangan termasuklah seperti mengadakan pinjaman untuk tujuan sosial seperti pelajaran anak-anak mereka.

Di antara rancangan-rancangan khas yang akan dilaksanakan pada tahun 1977 ialah:

- (a) Membuka 4 buah cawangan baru di seluruh Malaysia dan memperbaiki lagi unit-unit bergerak;
- (b) Berusaha menarik lebih ramai lagi petani padi dan tembakau mengambil bahagian dalam rancangan kredit padi dan tembakau dan meluaskan lagi rancangan kredit padi dan tembakau ke kawasan-kawasan lain;
- (c) Menggalakkan pemberian kredit untuk tanaman jangka panjang yang boleh diusahakan oleh petani-petani kecil atau petani-petani sambilan;
- (d) Memperluaskan kegiatan kredit kepada perusahaan tanaman getah, kelapa dan juga kelapa sawit yang biasanya ditanam secara komersial untuk diusahakan juga oleh pekebun-pekebun kecil;
- (e) Memberi perhatian khas kepada sektor perikanan terutamanya kepada nelayan-nelayan dengan mengadakan dan memperluaskan lagi rancangan kredit kepada mereka. Ini termasuklah pengeluaran pinjaman yang diterima dari Bank Pembangunan Asia bernilai \$5.6 juta yang akan dilaksanakan di Negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor.

Belanja mengurus bagi tahun 1977 adalah dijangka berjumlah sebanyak \$5 juta yang akan dibiayai keseluruhannya dari faedah dan keuntungan yang mungkin diterima oleh Bank ini di dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Dalam hal pengeluaran bahan-bahan makanan dari ternakan dan tanaman, maka dalam konteks membanyakkan hasil-hasil tersebut, Kementerian Pertanian akan berusaha ke arah menggantikan sepenuhnya di

mana-mana yang boleh dan menguntungkan akan bahan-bahan makanan yang selama ini diimpot. Selain dari itu jika pasaran luar negeri ada dan menguntungkan maka Kementerian Pertanian akan mengusahakan supaya pengeluaran bahan-bahan tersebut adalah juga untuk diekspot. FAMA telah diarahkan supaya mencari, mengkaji pasaran-pasaran luar negeri itu.

Tuan Pengerusi, dengan alasan-alasan yang diberikan di atas, saya memohon peruntukan belanja mengurus dan pembangunan di bawah Kepala B. 23, P. 23, B. 24 dan P. 24 berjumlah \$463,061,790 diluluskan.

3.43 *ptg.*

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian atas usaha-usaha beliau bagi memajukan rancangan pertanian dalam tanahair kita. Ucapan yang dibuat oleh Menteri Pertanian mengenai tujuan untuk menambah tanaman bahan makanan dan makanan haiwan sangatlah dialukan oleh rakyat tetapi saya percaya tugas ini adalah berat dan besar. Saya kata begitu kerana dalam susunan merancang soal-soal pertanian dalam negara ini, ini amat berbeza sekali dengan negara-negara lain dalam dunia ini. Terutama sekali bila kita membincangkan susunan kemajuan pertanian pada keseluruhan di negara kita. Adalah agak ganjil sedikit kerana pertanian di dalam Malaysia ini dikendalikan oleh tiga Kementerian. Susunan seperti ini mungkin yang aneh sekali dalam dunia, oleh kerana setahu saya tidak ada negeri dalam dunia ini yang ada rancangan pertanian yang dikelolakan oleh tiga Kementerian sekali gus yang berasingan dan masing-masing bebas belaka.

Di sini soal pertanian dikelolakan oleh Kementerian Tanah, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pertanian sendiri. Oleh yang demikian, bagaimanakah agaknya blue print dan dasar pertanian dapat diadakan dengan teratur dalam negara kita kerana tiap-tiap satu Kementerian itu menjalankan dasar dan tugas secara bebas. Mungkin ada jawatankuasa ad-hoc untuk menyelesaikan masalah immediate yang timbul dari semasa ke semasa tetapi tak mungkin ad-hoc committee ini dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan

dengan jangka panjang. Sekiranya perkara ini berlaku tentu sekali pihak Kerajaan akan mengkaji semula supaya masalah rancangan pertanian ini untuk jangka panjang dapat diatur dan disusun semula, kalau boleh ketiga-tiga Kementerian itu juga hendak menjalankan secara bebas dan secara kebijaksanaan masing-masing ditubuhkan satu Badan Nasional Penasihat Pertanian atau National Agricultural Advisory Council di mana ahli-ahlinya dapat dijemput bagi mewakili tiga Kementerian ini dan professional dan ahli-ahli daripada Kementerian Pertanian sendiri dan mungkin dicampuri oleh ahli-ahli yang mewakili pusat-pusat pengajian tinggi yang ada kaitan dengan pertanian, dengan cara itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ucapan Ahli Yang Berhormat merupakan satu ucapan dasar, sepatutnya diucapkan pada masa membahaskan dasar dahulu, tetapi sekarang kalau dapat diringkaskan, pergi kepada tajuk atau pecahan-kepala mana yang lebih tepat. Ucapan tadi sebagai mukaddimah, tak mengapalah.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin: Jadi mungkin kita dapat mengadakan blue print yang selalu disebut oleh Menteri Pertanian bagi masa jangka panjang. Dalam ucapannya beliau juga ada menyentuh dalam soal tambahan kakitangan. Di sini saya suka menyebut bahawa pertamanya bagi kejayaan pelaksanaan dasar pertanian, pegawai-pegawai di pihak atasan umpamanya dari Director-General dalam Kementerian Pertanian sendiri tidak seharusnya ditukarkan begitu cepat dalam masa menjalankan tugasnya, oleh kerana pertukaran mereka akan mengakibatkan discontinuity atau disruption oleh kerana berlainan pegawai bermaknalah berlainan kepustakaan, dan berlainan approach pula.

Keduanya, golongan professional di Kementerian Pertanian, seharusnya juga diberi tugas sebagai pelaksana atau implementors dan tidak seharusnya perkara pertanian itu diserahkan semata-mata kepada pegawai M.C.S. (PTD) sahaja.

Yang Berhormat Menteri juga menyebut berkaitan tujuannya untuk menambahkan Junior Agricultural Assistant (JAA) bagi mengendalikan extension work programme di dalam negara. Ini amatlah dialukan, tetapi saya berpendapat kalau JAA sahaja

dengan ketiadaan support dan arahan daripada agricultural officers atau pegawai-pegawai professional, tidak juga bermakna dan rancangan itu tidak akan menjadi efektif, kerana mereka itu juga memerlukan bimbingan daripada orang-orang yang ada pengalaman seperti pegawai-pegawai pertanian. Maka jumlah dan bilangan agricultural officers juga seharusnya ditambah untuk memperbaiki keadaan pertanian dalam negara kita. Di sebalik pengurusan, ada dua lagi faktor mengenai insentif dan produktiviti yang saya sebut maksudnya produktiviti boleh bertambah kiranya ada financial motivation dan tambahan hasil dari teknik baru. In bermaknalah cost production sepatutnya direndahkan, tetapi apa yang menjadi kesulitan sekarang petani-petani yang ingin menjalankan urusan pertanian terpaksa meminjam dengan bayaran faedah yang agak tinggi atau sama lebih kurang dengan orang-orang lain yang meminjam untuk industri. Sebabnya mereka terpaksa membayar ongkos management, pentadbiran atau operasi bank-bank yang meminjamkan wang itu kepada mereka. Maka saya menyeru untuk timbangan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh pihak Kerajaan membantu petani-petani dengan secara Kerajaan sendiri membuat peraturan di mana ongkos management dan operation bank terutama sekali Bank Pertanian dan bank-bank lain untuk agriculture dibekalkan oleh Kerajaan sendiri melalui agensi-agensi yang ada kaitan dengan pertanian sepertimana dibuat oleh setengah-setengah negeri di dalam dunia.

Akhirnya, saya juga ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh janganlah kita mengasing-asingkan layanan kita terhadap petani-petani dalam negara kita. Selain daripada faedah yang tinggi, saya dapati satu lagi gejala besar yang dihadapi oleh petani-petani ialah ongkos membayar agricultural implementation dan juga trektor-trektor dan sebagainya. Dalam hal ini, saya dapati cuma petani-petani dalam jagaan L.P.P. sahaja dibahagi subsidi sebanyak 30% tetapi kalau kita hendak memajukan pertanian dalam negara kita pada keseluruhannya, saya agak patut juga kita hulurkan faedah yang sama ini kepada petani-petani yang lain yang kebanyakan mereka itu masih dalam subsistence economy.

3.53 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong perbekalan Kementerian Pertanian ini dan saya ingin hendak menyentuh di bawah Kepala P. 23, Pecahan-kepala 25, muka surat 194.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai matlamat memperbanyakkan pengeluaran padi dan untuk meningkatkan pendapatan petani-petani dalam negeri ini adalah bergantung dengan yunit-yunit kemudahan pengeluaran pertanian. Walau bagaimanapun, teknik sahaja tidaklah memadai bagi mencapai matlamat itu jika tidak ada daya usaha dan semangat yang bersungguh-sungguh dari petani-petani sendiri. Sepertimana yang kita sama maklum bahawa untuk menarik supaya petani-petani berkenaan dengan satu-satu projek pertanian itu berusaha dengan bersungguh-sungguh ialah apabila pendapatan dan perolehan daripada usaha mereka bertani itu seimbang dengan titik peluh yang mereka curahkan. Jika keadaannya begini nescaya petani-petani dalam negeri ini tidak akan teragak-agak lagi mengusahakan sesuatu projek yang dilancarkan oleh Kerajaan. Oleh kerana itu yunit kemudahan pengeluaran tanaman ini pada hemat saya adalah memainkan peranan yang sangat penting dan menjadi asas kepada tujuan bagi mencapai matlamat memperbanyakkan pengeluaran pertanian dalam negeri ini dan untuk meningkatkan pendapatan petani-petani. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya yunit ini memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih banyak dan lebih luas bidangnya kepada petani-petani. Saya yakin dan percaya jika yunit ini berbuat demikian matlamat yang dicadangkan oleh Kerajaan sekarang ini akan dicapai dengan lebih cepat.

Tuan Pengerusi, dalam usaha mengujudkan petanian moden juga sepertimana yang dirancang oleh Kerajaan, saya kira satu proses yang meliputi berbagai-bagai aspek termasuk teknologi, ekonomi, politik, saiko-
loji dan sebagainya, maka dengan sebab itu dalam usaha merancang satu polisi atau program pertanian Kerajaan mestilah menggabungkan beberapa pihak yang boleh memberikan fikiran dan pengalaman-pengalaman seperti pakar-pakar dalam ekonomi, pakar-pakar dalam teknologi politik dan lain-lain bidang supaya matlamat yang dirancang.

oleh Kerajaan itu tercapai. Dengan sebab itu, saya juga bersetuju dengan pendapat sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Jerlun/Langkawi tadi bersabit dengan kemajuan pertanian dalam negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, berikutnya saya ingin menyentuh di bawah Kepala B. 24 Aktiviti (2) & (3) iaitu mengenai Penggalakan dan Penyeliaan dan Odit dan Akaun di muka surat 160. Oleh kerana perkembangan dan kemajuan sesebuah syarikat koperasi itu adalah bergantung kepada penggalakan dan penyeliaan dari Jabatan Koperasi sendiri, terutama sekali bagi syarikat-syarikat koperasi yang agak kecil yang tidak mempunyai tenaganya sendiri. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat koperasi yang seperti itu yang ada dalam tiap-tiap daerah dalam negara kita sekarang ini dicantumkan menjadi sebuah koperasi sahaja dalam sesebuah daerah. Dengan cara yang demikian, rasa saya syarikat koperasi itu akan mempunyai tenaga yang lebih, kewangan yang banyak dan ahli yang ramai. Tidakkah seperti sekarang ini ada banyak koperasi-koperasi dalam sesuatu daerah tetapi masing-masing tidak mempunyai tenaga tidak mempunyai cukup kewangan untuk bergerak dan tidak juga mempunyai aktiviti yang boleh memberi keuntungan dan kemajuan kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri. Oleh kerana koperasi-koperasi dalam sesuatu daerah itu telah digabungkan menjadi sebuah koperasi sahaja, saya rasa Jabatan Koperasi boleh memberikan sumbangan dengan memberikan seorang pegawai koperasi untuk mentadbirkan gerakan koperasi di situ dan juga untuk menyempurnakan kira-kira atau akaun badan koperasi yang berkenaan. Saya yakin dengan cara seperti ini gerakan koperasi dalam daerah-daerah yang seperti itu akan mencapai kejayaan sepertimana yang diharapkan oleh Kerajaan sekarang ini.

3.59 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya mohon izin menyentuh dua tiga perkara dalam menyokong peruntukan Kementerian Pertanian, terutamanya ialah muka surat 151, Pecahan-kepala 82-Rancangan-rancangan Taliair, Selangor.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat memberikan peruntukan berlipat ganda daripada \$2 juta kepada \$4 juta untuk rancangan ini, dan saya sungguh puas hati dengannya, sukacita saya menyatakan dengan adanya peruntukan yang besar itu bahawa rancangan ini dapat dilaksanakan atau disiapkan dalam tempoh masa yang cepat.

Malangnya, Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi pada masa ini yang saya telah observed ialah cara perlaksanaannya. Wang peruntukan banyak diberikan oleh Kementerian tetapi cara pelaksanaan projek tersebut saya bimbang mungkin tidak dapat dilaksanakan atau disiapkan pada masa yang ditentukan. Pada tahun sudah saya suarakan perkara ini juga supaya projek ini disiapkan dengan seberapa segera supaya dapat memberikan kemudahan (facilities) rancangan taliair yang moden dan mengejar masa bagi menambah hasil pendapatan petani-petani di kawasan Tanjong Karang daripada projek yang disebutkan itu. Saya meminta dan mendesak Jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Parit dan Taliair supaya mengubah sistem perlaksanaan itu. Pada hari ini Tuan Pengerusi, untuk mendapatkan data dan survey daripada satu projek kawasan mengambil masa berbulan-bulan kemudian membuat rancangan (planning) pun berbulan-bulan sehingga menghabiskan masa hampir setahun. Ada satu contoh kawasan yang sudah siap, yang sudah dikerjakan iaitu di satu kawasan 5,000 ekar di Sawah Sempadan telah mengambil masa sampai tiga tahun. Maka ada 8 kawasan yang hendak dikerjakan yang hendak diubah untuk mengadakan rancangan sistem perairan yang baharu ini. Dengan demikian maka rancangan ini akan siap dalam 24 tahun. Ini merugikan petani-petani dan masalah di masa 15 atau 20 tahun akan datang lebih rumit lagi daripada keadaannya pada hari ini. Jadi masalaahnya kita tidak patut menghilangkan masa dan merugikan petani-petani pada hal mereka boleh mendapat tambahan hasil tanaman padi kalau sekiranya projek ini dapat disiapkan dengan cepat.

Perkara lain, sebab kelambatan ialah projek ini tidak dirujuk kepada Majlis Tindakan Daerah. Biasanya sebab projek

tergendala ialah masalah hendak menggunakan tanah untuk membuat lines bagi parit-parit atau saluran berkenaan dengan projek itu. Sepatutnya projek besar seperti ini yang ada kaitan dengan sosial dan perkara tanah dan masalah yang lain patut dibincangkan bersama dengan Majlis Tindakan Daerah untuk mendapatkan green light supaya kerja itu dapat dijalankan dengan licin dan mendapat sokongan daripada orang ramai.

Ini patutlah betulkan dan dikaji semula supaya keadaan perjalanan projek ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Perkara yang ketiga berkenaan dengan projek ini juga. Sepatutnya bila dimulakan projek dan sudah tahu berkehendakkan tenaga pegawai untuk mengelolakan dan menyelenggarakan projek itu hendaklah dari awal lagi difikirkan bagaimana mendapatkan pegawai-pegawai tambahan. Tetapi yang mendukacitakan sampai pada hari ini projek yang telah siap dalam kawasan 5,000 ekar tadi didapati pegawai pun masih tidak ada hendak mengendalikan maka timbul masalah petani-petani sendiri menjadi sebagai pegawai melancarkan pembekalan air ke sawah padi dan berebut-rebut dengan tidak ada kawalan.

Perkara yang keempat, daripada pengalaman saya ialah berkenaan Irrigation Ordinance yang ada pada hari ini patutlah Kementerian meneliti dan membuat kajian dengan sedalamnya supaya boleh merupakan satu ordinance yang efficient yang boleh memberikan kawalan untuk kebaikan perairan dan kawalan untuk bertanam padi mengikut schedulanya yang telah ditentukan. Bertanam padi, Tuan Pengerusi, kalau tidaklah mengikut masa yang ditentukan dan kalau tidaklah dapat understanding bersama di antara satu dengan lain dan tidak dapat kawalan air (water control) yang betul harapan hendak mendapatkan tambahan hasil mungkin terjejas dan projek yang begitu baik yang dapat diyakinkan untuk memberikan pembekalan air yang teratur tidaklah dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Berkaitan dengan itu juga, saya harap Kementerian dapat memberikan perhatian supaya mengeratkan perpaduan di antara pegawai-pegawai taliair dengan sidang-sidang iaitu Ketua-ketua Kampung dan

Ahli-ahli Jawatankuasa Kampung supaya projek ini benar-benar dapat memberikan kesan yang baik.

Beralih saya kepada muka surat 150, Pecahan-kepala 50—Sekolah Vokesyenal Pertanian. Oleh sebab Tanjong Karang dan Sabak Bernam ialah satu kawasan padi bagi negeri Selangor dan banyak hal ehwal pertanian disekeliling kawasan daerah itu maka adalah menjadi harapan rakyat di sana bagi mendapatkan Sekolah Vokesyenal Pertanian ditubuhkan di daerah-daerah tersebut. Keperluan ini sangatlah dikehendaki untuk memberikan ilmu pengetahuan yang moden kepada anak-anak petani dan dengan itu pada masa akan datang pertanian cara moden dengan sendirinya ujud dan sudahlah sampai masanya sekolah ini diperlukan bagi kawasan tersebut. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang sudah ada menubuhkan satu Instituti atau satu Sekolah Latihan Teknik di Tanjong Karang yang telah digunakan dan ini ada memberi kesan kepada anak-anak muda di kawasan itu dan di seluruh negeri Selangor.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Koperasi. Saya sungguh tertarik kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri supaya koperasi kecil-kecil itu disatukan. Ini memanglah satu dasar yang sangat menggalakkan. Apa yang saya hendak tekankan di sini Tuan Pengerusi, janganlah lagi pisang berbuah dua kali, masalah kemunduran atau kelembahan koperasi di luar bandar ialah disebabkan improper management iaitu Ahli Jawatankuasanya tanpa ada ilmu pengetahuan cara menjalankan koperasi pentadbiran dan sebagainya.

Saya dapati ada peruntukan untuk memperbaiki atau memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti di Kolej Koperasi di Petaling Jaya. Patutlah diubah keadaannya supaya benar-benar boleh memberikan ilmu pengetahuan yang berupa commercial setanding dengan keadaan yang lain-lain supaya gerakan koperasi ini dapat bertukar corak disebelah luar bandar dan dapat mengikut keadaan seperti mana yang ada di dalam bandar.

Perkara yang akhir ialah berkenaan dengan ternakan ayam. Di sini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memberi pertimbangan untuk melanjutkan subsidi ayam kepada penternak-penternak ayam di luar bandar, kerana tanpa

ada subsidi itu tidak ada kemungkinan bagi penternak-penternak ayam dapat membuat perusahaan ayam itu sebagai menjadikan matlamat mata pencarian mereka. Saya rasa sudah dua atau tiga tahun telah dicuba di dalam kawasan saya, tetapi ternakan ayam ini masih mengikut tradisi lama iaitu membela ayam secara bebas, sebab tidak cukup peruntukannya dan saya harap peruntukan subsidi ini dapat dipertimbangkan dan dapat diberikan dengan secukupnya mereka dapat membela ayam dengan lebih luas lagi.

Masalah pemasarannya juga menjadi satu masalah yang besar kerana selalu dimainkan oleh orang tengah. Keadaan pemasaran yang tidak dapat ditetapkan dan ini saya harap FAMA dapat memainkan peranannya supaya dapat pemasaran ayam bagi petani-petani di luar bandar ini supaya dapat memberikan galakan kepada mereka untuk membuat perusahaan ini.

Tuan Pengerusi: Nampaknya Kementerian ini ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, kalau begitu selewat-lewatnya pada pukul 5.30 petang saya akan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab kerana ramai yang hendak bercakap. Saya ingat tadi hanya sampai pukul 5.00 petang sahaja. Yang Berhormat dari Arau.

4.13 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertanian yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Kepala B. 23 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2)—Pertanian. Memandangkan kepada tujuan pertanian sepertimana tercatat di dalam buku Anggaran Belanjawan 1977 di muka surat 215 iaitu untuk mewujudkan pertanian secara moden dan menggalakkan teknik pertanian berdasarkan perdagangan, meninggikan taraf hidup petani-petani dan peladang-peladang. Saya berpendapat peranan pembangunan masyarakat dan pelajaran dewasa amat penting, bagi melahirkan anggota-anggota masyarakat yang mampu untuk mengikuti perkembangan masyarakat. Oleh yang demikian, pada pendapat saya Kementerian yang berkenaan sangat-sangat perlu mengkaji semua peranan aktiviti itu iaitu aktiviti yang keempat memperkemaskan

Jabatan Kemajuan Masyarakat supaya dapat melahirkan anggota-anggota masyarakat yang boleh meninggikan kedudukan petani-petani khususnya di luar-luar bandar. Di dalam perkara itu saya berpendapat memanglah menjadi sewajarnya Jabatan ini meningkatkan pelajaran yang diajar kepada pelajar-pelajar dan meningkatkan kursus-kursus yang telah diberikan kepada guru-guru berkenaan supaya mereka dapat menjadikan pelajaran-pelajaran yang mereka pelajari itu sebagai salah satu daripada usaha-usaha yang boleh menambahkan mata pencarian mereka, manakala pelajaran-pelajaran yang telah diberi dan guru-guru yang telah dilatih itu dapat mengajar dengan pelajar-pelajar yang boleh menjadikan mata pencarian tambahan kepada petani-petani. Kementerian yang berkenaan juga patutlah memberikan kemudahan-kemudahan alat yang cukup bagi pelajar-pelajar itu untuk mengusahakannya. Sebagai contohnya sepertimana kursus jahitan sewajarnya selepas diberi pengajaran-pengajaran yang boleh menjadikan usaha tambahan kepada mereka, maka Kementerian yang berkenaan patutlah memberikan mesin-mesin atau alat-alat jahitan hingga dapat mereka itu menggunakan pengetahuan yang mereka perolehi itu dengan menggunakan alat-alat yang diberikan dengan cara kelompok supaya dapat mengeluarkan hasil tambahan kepada mereka. Begitu juga pelajaran-pelajaran yang diberi berkenaan masak-memasak dan sebagainya, manakala kursus-kursus yang diberikan kepada mereka itu dapat mereka gunakan dan sewajarnya Kementerian berkenaan memberikan alat-alat yang boleh mereka menggunakan seperti untuk mengetin buah-buahan tempatan supaya dapat dijual, dengan itu dapatlah menambahkan mata pencarian penduduk-penduduk kampung khususnya petani-petani.

Dalam masalah usaha pertanian seperti buah-buahan, di dalam musim buah selalunya kita dapati terbuang begitu sahaja kerana tidak digunakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya berpendapat ini adalah salah satu daripada cara-cara yang boleh menambahkan pengeluaran dan boleh mendatangkan hasil kepada petani-petani sebagai satu usaha tambahan.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Pembangunan. Pecahan-kepala 81, 84, 87, 90, 93, 96, 99 dan 102 mengenai rancangan-rancangan mencegah banjir. Di dalam Pecahan-pecahan-kepala

yang saya sebutkan tadi, saya dapati Perlis tidak ada peruntukan untuk mencegah banjir. Padahal Negeri Perlis adalah satu negeri yang selalu terdedah kepada banjir yang mana tiap-tiap tahun mengakibatkan kerugian beratus-ratus ribu riggit kepada petani-petani. Pada tahun ini misalnya petani yang telah mendapat hasil padi terpaksa menjual padi satu guni dengan harga \$10 sahaja dan setengah-setengah daripadanya terbuang begitu sahaja. Ini merosakkan perusahaan pertanian yang mereka perolehi disebabkan oleh banjir yang sentiasa berlaku. Perkara ini berulang-ulang dari setahun ke setahun. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan patutlah memberikan peruntukan di dalam perkara ini kepada Negeri Perlis supaya dapat mengatasi banjir yang melanda pada tiap-tiap tahun yang berulang-ulang dan kadang-kadang itu bukan sekali sahaja, tetapi kadang-kadang sampai dua atau tiga kali di dalam masa setahun.

Menyentuh Pecahan-kepala 269—Taman Bimbingan Kanak-kanak. Saya rasa peruntukan yang diuntukkan di bawah Pecahan-kepala ini sangatlah sedikit jika dibandingkan dengan pentingnya Taman Bimbingan Kanak-kanak ini. Di dalam perhatian saya setakat ini Kementerian yang berkenaan cuma dapat memberikan latihan guru-guru sahaja. Manakala guru-guru itu dilatih balik ke kampung-kampung maka merekalah dengan usaha sendirinya untuk mengadakan kelas-kelas bimbingan ini. Maka dapatlah tempat diadakan kelas-kelas bimbingan itu di dewan-dewan buruk, masjid-masjid yang ditinggalkan, di bawah-bawah rumah dan sebagainya. Pada pendapat saya ini tidak dapat memberikan kesan yang baik di dalam bimbingan kanak-kanak khususnya kanak-kanak di luar bandar. Bimbingan anak-anak ini pada pendapat saya sangat penting khusus di luar bandar kerana dengan cara bimbingan inilah dapat menyeimbangkan keadaan anak-anak luar bandar dengan keadaan anak-anak di dalam bandar mereka dapat dimasukkan ke taman-taman didikan yang sempurna tetapi keadaan Taman Bimbingan Kanak-kanak yang ada di luar bandar yang diberi kemudahan oleh Kementerian yang berkenaan itu tidak dapat sampai kepada matlamat untuk menyeimbangkan kedudukan kanak-kanak.

Saya kata tadi penting bagi bimbingan kanak-kanak di luar bandar ialah kalau

sekiranya anak-anak itu sudah berumur 7 tahun misalnya dia akan masuk ke sekolah dan kadang-kadang sekolah itu akan bersaing dengan anak-anak orang yang berkemampuan maka sudah tentu anak-anak yang di luar bandar ini akan ketinggalan begitu sahaja. Jadi dengan sebab itu saya rasa peruntukan yang telah diberikan semata-mata bagi melatih guru-guru bimbingan kanak-kanak ini tidak memadai dan sewajarnya Kementerian berkenaan menambahkan lagi supaya dapat mengadakan tempat-tempat yang sesuai bagi bimbingan kanak-kanak itu dan dapat mengadakan alat-alat yang cukup supaya Taman Bimbingan Kanak-kanak itu dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Itulah sedikit sebanyak yang dapat saya berikan.

4.23 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, di sini saya bangun untuk membahaskan anggaran yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya ingin berucap atas dua hal sahaja.

Yang pertama saya ingin merujuk kepada Kepala P. 23, Pecahan-kepala 3—Kemudahan-kemudahan MARDI di muka surat 147. Tuan Pengerusi, atas perkara MARDI saya perhatikan bahawa sehingga hari ini MARDI belum menjalankan penyelidikan dalam cara-cara untuk memperhebatkan tanaman kopi. Tuan Pengerusi, saya rasa hairan bahawa sungguhpun koko telah diberikan perhatian oleh MARDI akan tetapi tanaman kopi tidak disentuh dan bagaimana ianya dapat diperhebatkan. Tuan Pengerusi, tanaman kopi patutlah diberi perhatian yang berat oleh Kementerian dan cara-cara mestilah dicari untuk memperhebatkan tanaman kopi dalam negeri supaya kita dapat mengeluarkan biji-biji kopi yang cukup untuk kegunaan. Pada hemat saya ini sangat diperlukan oleh kerana baru-baru ini suratkhbar-suratkhbar tempatan ada melaporkan bahawa harga kopi-0 akan dinaikkan oleh kerana harga biji kopi telah dinaikkan dari \$280 hingga \$480 satu pikul di dalam pasar tempatan dalam masa 6 bulan yang lepas. Tuan Pengerusi, ini sepatutnya tidak berlaku sekiranya kita dapat mengeluarkan biji kopi yang cukup untuk kegunaan.

Memandangan kepada perkara ini saya ingin mencadangkan kepada MARDI supaya ianya dapat memberi perhatian yang berat terhadap pengeluaran biji kopi. MARDI

patutlah menjalankan satu penyiasatan dengan serta-merta dalam cara-cara memperhebatkan tanaman kopi supaya kita dapat mengeluarkan biji kopi yang cukup. Sekiranya kita memperoleh biji-biji kopi yang cukup maka pengguna-pengguna tidak perlu membayar 5 sen lagi untuk satu cawan kopi-0. Buat sementara waktu saya menyeru Kerajaan memberhentikan pengeksplotan biji-biji kopi kita keluar negeri.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai Kepala B. 23, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2)—Pertanian, muka surat 141. Di sini saya ingin merujuk sedikit kepada penderitaan yang dihadapi oleh penanam padi. Tuan Pengerusi, penderitaan yang dialami oleh

Tuan Pengerusi: Di mana ada padi di Kuala Lumpur ini?

Tuan Lee Lam Thye: Bukan, saya hendak sentuh mengenai kesusahan yang dihadapi oleh mereka

Tuan Pengerusi: Sila teruskan!

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, tadi saya kata, bahawa penderitaan yang dialami oleh penanam padi yang menyewa tanahnya adalah lebih teruk daripada penanam-penanam padi yang mempunyai tanah sendiri. Menurut satu kajian kadar kemiskinan bagi penanam-penanam padi yang menyewa tanah adalah setinggi 80% jika dibandingkan dengan 50% bagi tuan-tuan punya tanah. Akta Kawalan Sewa Tanah (The Control of Rent and Security of Tenure Act) yang diadakan untuk melindungi penanam-penanam padi yang menyewa tanah dengan ditetapkan sewaan minima dan tempoh sewa minima masih belum lagi dikuatkuasakan. Biasanya lebih kurang satu daripada tiga keluarannya adalah dibayar kepada tuan-tuan punya tanah. Dalam beberapa kawasan bahagian-bahagian adalah lebih tinggi. Tetapi kaum petani yang sangat-sangat kehausan tanah untuk tanaman lebih suka membayar sewa yang tinggi daripada menghadapi keadaan pengangguran. Hanya satu-satunya cara penyertaan yang berjangka panjang dan berkesan bagi mengatasi masalah kemiskinan luar bandar ini ialah mengadakan satu program reformasi tanah untuk membolehkan kaum petani memiliki tanah sendiri.

Satu permulaan hendaklah dibuat di dalam sektor padi. Pemilikan tanah pertanian hendaklah dihadkan kepada kaum petani yang *bona fide* sahaja dan perlu diadakan satu peraturan pada bilangan ekar (ceiling) yang diizinkan untuk dimiliki oleh seseorang petani atau keluarga yang bertani dengan berasaskan kepada kebolehnya untuk bertani di tanah itu.

Sekianlah yang dapat saya ucapkan.

4.30 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang dapat menyusun dan membuat beberapa anggaran, dan aktiviti dan latihan-latihan pada keseluruhan yang terlibat di dalam bidang pertanian, perikanan, haiwan dan perkhidmatan sosial di segi pembangunan masyarakat Malaysia.

Tuan Pengerusi, di sini sukalah saya menyentuh beberapa kepala yang bersangkutan di dalam perkara ini iaitu Kepala B. 23 di dalam Belanja Mengurus sebanyak \$124,469,100 untuk pengurusan. Di sinilah Kementerian ini patut mengarah dan memerhati supaya tiap-tiap bahagian yang hendak dikendalikan mesti dibuat dengan teliti dan teratur kerana kadang-kadang dilambatkan dan kadang-kadang tidak begitu memberi kesan yang baik.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala P. 23 Pecahan-kepala 73 dan 74—Parit dan Taliair. Banyak lagi tanah-tanah sawah tidak dapat hasil tanaman dua kali setahun dan sekali setahun dengan sebab tidak mempunyai parit dan taliair yang sempurna. Saya suka menyentuh taliair Kota Kuala Muda yang mana kalaulah dibuat dengan sempurna dapat memberi tanaman padi dua kali setahun kepada petani-petani di situ, dan tanah-tanah yang saya sebutkan itu berjumlah lebih kurang 6,000 ekar tanah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Jadi petani-petani di situ masih menunggu taliair yang hendak dibuat oleh Kerajaan. Jangkanya akan siap tidak berapa lama lagi. Tetapi, dukacita sampai sekarang kerja-kerja itu masih belum dijalankan dengan begitu baik. Entah apalah sebabnya maka dengan ini saya harap Yang Berhormat

Menteri Pertanian akan siasat di atas perkara kelambatan taliair Kota Kuala Muda ini. Saya juga memohon jasa baik Kerajaan supaya membuat titi-titi yang sempurna untuk taliair-taliair dan parit-parit. Kalau dibandingkan dengan titi-titi, taliair di Pulau Pinang dan Seberang Perai dan di Rancangan Muda, titi-titi di sebelah Rancangan Muda sangatlah tidak memuaskan. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap peruntukan yang akan diluluskan nanti akan diberi keutamaan kepada tempat-tempat yang memang menunggu dan berharap diberi perhatian istimewa.

Tuan Pengerusi, saya harap di dalam perkara taliair juga, pihak berkenaan dari Jabatan Parit dan Taliair akan menggesa kakitangannya mencuci segala rumput-rumput dan semak-samun. Dengan ini kita dapat mengelakkan daripada kejadian banjir.

Tuan Pengerusi, menyentuh Pecahan-kepala 221 hingga 225. Ini sangat perlu sebab selagi latihan, kelengkapan, pelabuhan atau jeti dan kemudahan bantuan wang kepada perusahaan ikan tidak dapat mengatasi nelayan-nelayan kita, maka nelayan-nelayan kita tadi tidak dapatlah meninggikan taraf hidup mereka. Maka dengan ini saya harap Kementerian ini akan memberi bantuan kewangan untuk membeli bot atau enjin-enjin kepada nelayan-nelayan yang memohon.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Pecahan-kepala 265 - 269. Di sini sukalah saya agar Penyelia dan Guru-guru Kemas akan diberi perhatian yang sewajarnya kerana mereka inilah yang selalu bekerja rapat dengan Jawatankuasa Keselamatan Kampung di tiap-tiap mukim dan juga mengusahakan tanaman-tanaman iaitu buku hijau dan juga memerhatikan kanak-kanak di kampung itu. Jadi di sini saya suka hendak menyentuh Pecahan-kepala 269—Taman Bimbingan Kanak-kanak. Nampaknya guru-guru Taman Didikan Kanak-kanak (T.D.K.) sangatlah kurang. Patutlah Kementerian menambahkan lagi bilangan guru Tadika supaya banyak lagi kelas-kelas Tadika dibuat di luar-luar bandar. Dengan sebab saya katakan begitu, kanak-kanak kita makin meningkat dari masa ke semasa. Maka kanak-kanak di bandar-bandar tadi dapat perhatian yang memuaskan daripada pihak-pihak yang tertentu dan ibu bapa di bandar-bandar mampu membayar yuran-yuran yang

begitu mahal kepada badan-badan yang mengelolakan Tadika. Tetapi bagi ibu bapa di kampung-kampung mereka itu golongan yang berpendapatan rendah dan juga daripada golongan petani, kalaulah kelas-kelas Tadika itu banyak dibuat di luar bandar dan guru-gurunya mencukupi maka kita dapatlah mengimbangkan kanak-kanak di bandar dan kanak-kanak di luar bandar. Kerana kanak-kanak ini kita tahu mereka itu mempunyai otak yang begitu baik, jadi daripada kecil lagi patut kita berikan asuhan dan didikan supaya apabila mereka besar menjadi warganegara yang baik dan mendapatkan pertolongan daripada guru-guru yang kita beri latihan dan dengan ini dapatlah kanak-kanak mempunyai otak yang saya sebutkan tadi, apabila mereka bergaul dengan kanak-kanak lain tidaklah begitu mereka rasa takut atau gentar. Maka dengan inilah saya menyokong di atas peruntukan Kementerian Pertanian.

Satu perkara lagi yang saya suka sentuh Pecahan-kepala 2—Pertanian Malaysia. Bank Pertanian ini mestilah memberi pinjaman yang cukup kepada petani-petani. Dengan ini dapatlah mereka menjalankan kerja-kerja mereka dengan mudah dan tidaklah mereka ini berasa gelisah pergi dari satu bank ke satu bank untuk meminjam wang. Ini saya berharaplah di dalam perkara ini Kementerian mendapat perhatian dan juga menimbangkannya.

Satu perkara yang saya sentuh ialah berkenaan memberikan pinjaman kepada petani-petani membeli Kobuta dan trektor melalui Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya harap dengan cara petani-petani kita dapat sedikit sebanyak bantuan dan juga tunjuk-ajar daripada Kementerian Pertanian, mereka akan menjadi petani-petani yang lebih baik lagi di masa depan. Maka dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian.

4.37 ptg.

Tengku Nor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 23, muka surat 147, Pecahan-Kepala 4 (iii) Perusahaan Daging Ternakan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah mengadakan beberapa rancangan ternakan lembu. Walaupun begitu, kita masih lagi mengimpot daging lembu dari luar negeri, seperti di

Australia umpamanya. Rancangan ternakan ini hendaklah dibesarkan lagi seperti yang ada sekarang. Sekiranya usaha ini dapat dilipat-gandakan lagi, maka saya percaya bahawa supply akan sentiasa mencukupi untuk keperluan negara. Dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan, bukan sahaja akan dapat menyelamatkan tukaran luar negeri, malah mendapat harga yang berpatutan kepada pembeli-pembeli. Kita berkehendakkan rakyat yang sihat. Apabila harganya berpatutan, rakyat akan mudah dapat membelinya.

Tuan Pengerusi, muka surat 147 juga. Pecahan-kepala 5—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan muka surat 156, Pecahan-kepala 222—Menangkap Ikan Cara Moden—Menguatkuasa Perikanan dan Kapal Pemeriksaan dan muka surat 156 juga, Pecahan-kepala 224—Kemajuan Pelabuhan-pelabuhan Ikan.

Di kawasan Tumpat, ada 2 Syarikat Kerjasama Nelayan yang didaftarkan dan mempunyai 5 buah bot serbaguna. Masaalah besar yang dihadapi ialah pemasaran. Adalah diharapkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dapat berdamping rapat dengan persatuan-persatuan nelayan, samada dari segi nasihat; mengawasi kemajuan syarikat kerjasama nelayan supaya lebih maju dan cergas; mendapatkan harga yang berpatutan supaya nelayan-nelayan mendapat hasil memuaskan supaya tidak ditindas oleh orang-orang tengah; menangkap ikan di lautan jauh seperti latihan yang diberi di Sekolah Perikanan, agar nelayan-nelayan kita dapat menggunakan tangkapan ikan cara moden mengikut teknik baharu. Dengan cara menangkap ikan secara moden ini, hasilnya akan bertambah banyak dan jualannya sudah tentu akan berlipat ganda lagi.

Tuan Pengerusi, yang menjadi masaalah di Pantai Timur ialah bila tiba musim tengkujuh, nelayan-nelayan tidak pergi ke laut. Adalah diharap satu langkah yang tegas hendaklah dijalankan. Umpamanya, mengadakan projek berkebun di mana mereka dapat berusaha menanam sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Ini boleh menambahkan pendapatan mereka apabila tiba musim tengkujuh kelak.

Tuan Pengerusi, dalam soal menangkap ikan secara moden ini, kemudahan dan alat-alat tangkapan ikan adalah perkara yang utama bagi mereka. Yang merunsingkan

saya ialah di alor Kuala Tumpat di mana nelayan masuk ke kawasan Tumpat air sungainya cetek. Dredger kapal korek hendaklah di tempatkan di situ supaya kerja-kerja membetul dan mendalamkan air di alor Kuala Tumpat itu dapat dijalankan segera. Ini akan dapat memudahkan nelayan keluar masuk di kuala itu. Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, muka surat 147, Pecahan-kepala 7—Lembaga Pertubuhan Peladang.

Di kawasan Tumpat ada satu Persatuan Peladang Chabang Empat yang bergerak maju. Yang mendukung saya ialah ada dua gerakan kerjasama yang tujuan sama, iaitu gerakan kerjasama dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Kedua-duanya bergerak di luar bandar. Kedua-dua pertubuhan ini adalah berguna kepada gerakan kerjasama, tetapi saya harap supaya kerja-kerjanya tidak bertindih (overlap) antara satu sama lain. Ini boleh menyebabkan usaha menggiatkan gerakan ini akan menjadi lambat dan yang susahnyalah rakyat. Saya berharap Kementerian akan memerhatikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 149, di bawah tajuk: Pertanian, Pecahan-kepala 25—Kemudahan-kemudahan Pengeluaran Tanaman.

Negeri kita mempunyai tanah yang subur. Apa sahaja yang ditanam boleh hidup. Sekarang ini kita masih lagi mengimpot buah-buah dari luar negeri, seperti limau, apple dan sebagainya. Saya rasa penyelidikan yang rapi boleh dibuat oleh MARDI bagaimana buah-buah tempatan dapat menandingi buah-buah dari luar negeri. Buah limau yang diimpot dari negeri China umpamanya, tidak dapat menandingi dengan limau tempatan. Usaha-usaha ke arah ini hendaklah dijalankan oleh MARDI. Saya percaya kalau kajian yang mendalam dibuat, kita akan mendapat hasil yang memuaskan dan tidaklah perlu kita impot buah-buah yang seperti itu lagi.

Tuan Pengerusi, muka surat 151, di bawah tajuk: Parit dan Taliair, Pecahan-kepala 100—Rancangan-rancangan Taliair, Kelantan dan Pecahan-kepala 113—Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Kelantan Utara, muka surat 152.

Kawasan Tumpat adalah satu kawasan padi. Yang menjadi masalaahnya ialah 3 projek saliran sawah Titian Panjang, Jambu Air dan Lambor. Kawasan ini tidak dapat ditanam padi, kerana kawasan tersebut ditakungi oleh air sepanjang tahun. Adalah diharap bahawa kajian untuk mencari punca-punca air termasuk pemuliharaan rancangan taliair, pembinaan parit dan pengaliran air untuk tanaman padi 3 projek di kawasan tersebut dapat dijalankan segera supaya petani-petani di kawasan Tumpat dapat berusaha dengan lebih giat lagi.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Pertanian.

4.44 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan belanjawan di peringkat Jawatankuasa ini bagi Kementerian Pertanian, saya suka menyentuh hanya satu dua perkara sahaja. Kementerian ini adalah satu Kementerian yang amat penting di negara kita oleh kerana Kementerian inilah yang akan menentukan nasib kaum-kaum tani dan peladang di negara ini. Petani dan peladang ini adalah sejumlah besar rakyat di negara ini dan mereka ini adalah merupakan pengundi yang paling ramai dan yang akan menentukan corak Kerajaan di masa-masa akan datang. Perhatian berat patutlah diberikan kepada petani-petani dan peladang-peladang di luar bandar. Pada keseluruhannya, Tuan Pengerusi, kemajuan yang dicapai oleh Kementerian ini sangatlah memuaskan tetapi walaupun demikian, ada lagi saya rasa beberapa perkara di mana Kementerian ini patut memikirkan semula memperbaiki keadaan supaya kemajuan petani dan peladang ini tidak tergugat di semua peringkat.

Tuan Pengerusi, jikalau kita pergi ke kampung-kampung pada hari ini, kampung baharu, kampung lama maka kita dapati penduduk-penduduk kampung ini mengemukakan satu masalaah. Masalaahnya, penduduk-penduduk di kampung ini asyik berhijrah ke bandar, kerana hendak mencari peluang pekerjaan. Jadi, apabila sampai ke bandar kita menghadapi masalaah masyarakat di bandar, perumahan, sosial dan sebagainya. Saya rasa Kementerian ini boleh memainkan suatu peranan yang amat penting bagi mengimbangkan penduduk di negeri ini

iaitu mengimbangkan di antara penduduk di bandar dan penduduk di kampung. Saya syorkan kepada Kementerian Pertanian supaya mengkaji dan melaksanakan rancangan raksaksa bagi ternakan lembu dan kambing. Selama ini semenjak berpuluh-puluh tahun kita telah membuka berpuluh-puluh ribu ekar ladang kelapa sawit, berpuluh-puluh ribu ekar ladang getah dan kita telah mendapat kejayaan, bukan sahaja setakat kita mendapat kejayaan bahkan kita telah menjadi negara pengeluar getah dan kelapa sawit yang besar di dunia. Kebolehan kita di dalam melaksanakan projek-projek besar seperti ini telah diduga. Kita mempunyai cukup tanah, kita mempunyai cukup wang, kita mempunyai cukup tenaga manusia dan rasa saya tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya jikalau kita mengadakan suatu masyarakat desa secara baharu yang berbentuk baharu iaitu bukan masyarakat yang duduk di dalam ladang kelapa sawit dan getah tetapi masyarakat yang duduk di dalam ladang binatang (farm). Saya harap Kementerian ini mengambil perhatian di atas perkara ini dan melaksanakannya seberapa cepat yang boleh.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, Kementerian ini sebenarnya bukanlah Kementerian yang baharu seperti Kementerian Alam Sekitar misalnya. Kementerian baharu seperti ini terpaksa melahirkan idea-idea baharu, membuat dasar-dasar baharu untuk menjaga supaya alam kita jangan dicemarkan. Kementerian ini sebenarnya ialah Kementerian yang pada asas tugasnya memperbaiki keadaan petani dan peladang yang telah semula ada semenjak beratus-ratus tahun dahulu. Sebelumnya Kementerian ini membuat pelan induk, mengkaji dengan mendalam, memperkenalkan kepada negara ini jenis tanaman yang baharu dan mengusahakannya secara meluas, patutlah Kementerian ini mengkaji bagaimana caranya hendak memperbaiki keadaan petani dan peladang yang ada pada hari ini. Saya berkata begitu oleh kerana banyak kita dapati masalaah di kampung dan desa di mana petani dan peladang masih berkehendakkan empang baharu, masih berkehendakkan memperbaiki empang, mereka berkehendakkan taliair, ada paya yang luas sampai empat lima ratus ekar di mana keadaan fisikalnya buruk, di tengah tinggi, di tepi rendah, bila air di tengah kering di tepi ada air hanya cukup untuk ditanam, apabila air di tengah sedang

paras boleh ditanam, maka melaut pula air di tepi. Jadi perkara ini masih ada bukan sahaja di kawasan saya tetapi saya percaya di seluruh negara. Jadi, peruntukan untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada ini patutlah Kementerian menguntukkan dengan secukup-cukupnya supaya mereka yang sepatutnya selama ini berkurun-kurun menanam padi sekali setahun apabila ada sistem perairan yang bagus, mereka ini boleh menanam dua kali ataupun lebih setahun. Jadi kemajuan ataupun memperbaiki keadaan yang ada, maksud saya janganlah tergendat bila-bila juapun sebelum kita mengkajikan barang-barang yang baru.

Satu lagi perkara Kementerian ini patut juga mengkaji keadaan yang telah ada sekarang ini dan bagaimana hendak mengeksploit keadaan itu supaya ianya mendatangkan hasil yang baik. Saya beri contoh seperti di Jengka Tiga Segi. Tuan Pengerusi, Jengka Tiga Segi ini luasnya sama dengan luas Singapura. Sekim FELDA mempunyai 23 sekim. Rakyat yang ada sekarang ialah 65,000 orang dan akan bertambah sehingga kepada 100,000 orang lebih. Di dalam kawasan FELDA ini mereka tidak menggunakan banyak racun. Di baris-baris antara pokok kelapa sawit itu terlalu banyak rumput yang subur yang sangat sesuai di makan oleh lembu. Sistem lembu ataupun kerbau pawah ini patutlah diteruskan terutamanya di rancangan-rancangan FELDA ini bukan sahaja di Jengka Tiga Segi bahkan di merata-rata tempat.

Baru-baru ini apabila pihak haiwan telah menghantar 20 ekor lembu ke dua sekim bukan sahaja lembu itu dapat membesar dengan serta-merta dan dapat dijual dalam masa beberapa bulan tetapi sambutan masyarakat FELDA, masyarakat yang berdisiplin, mereka memberikan sepenuh tumpuan kepada menjaga binatang ini. Inilah maksud saya keadaan yang semula ada, yang tidak payah dilahirkan cuma kita baiki, kita tambah. Kementerian ini patut menitikberatkan kemajuan di daerah ini. Kalau kita hendak membuat perkara baru, kita tengok seperti Rancangan Ternakan Lembu di Ulu Lepar, dekat Kuantan. Saya rasa mungkin kalau tempat itu digunakan untuk penyelidikan pada jangka panjang adalah baik tetapi kalau Kerajaan hendak memelihara semata-mata kerana daging dan bukan utamanya kerana research, ini melibatkan belanja yang

amat mahal. Lembu dan rumput dibeli daripada Australia, menerangkan kawasan hutan belantara seluas 1,000 ekar, mengadakan pekerja-pekerja dan sebagainya. Ini pada pendapat saya kurang praktikal. Jadi elok kita kaji dan baiki keadaan yang semula ada dan itulah pada saya asas tugas Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah Yang Berhormat? Ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1974 saya pernah menyebutkan di dalam Dewan ini mengenai dengan menternak ikan Jelawat. Ikan Jelawat ini saya dapati cuma masyhur di Pahang sahaja terutamanya di Sungai Lipis. Tahun 1974, semasa saya bercakap dahulu harga sekati \$12, ini tahun 1976, harganya sudah \$17. Saya telah menyeru Kementerian ini membuat kajian supaya ikan ini dapat dipelihara di tempat yang sesuai kerana di negara ini banyak anak-anak sungai yang cetek yang mungkin sesuai untuk ikan ini dipelihara. Saya mengulang sekali lagi akan seruan saya itu semuga Kementerian ini mengambil berat tentang perkara ini, kerana ikan ini selain daripada ianya dimakan oleh rakyat di negara ini juga boleh diekspot ke Taiwan, ke Negeri China dengan harga yang sangat baik.

Tuan Pengerusi: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, minta bercakap lebih kurang 5 minit, sebab ada 5-6 Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap dan pada pukul 5.30 petang Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

4.55 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 23, muka surat 141, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) (B) Parit dan Taliair.

Tuan Pengerusi, beras atau padi ialah salah satu daripada hasil-hasil pengeluaran daerah Hilir Perak terutamanya di kawasan-kawasan seperti Chichak, Belawan dan Sungai Manik. Sehingga masa ini kesemua sawah-sawah mengeluarkan satu hasil setahun

sahaja dan saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri mengkaji kemungkinan menyediakan sistem saluran taliair yang sesuai bagi kawasan-kawasan itu untuk membolehkan pesawah-pesawah di situ mengeluarkan dua hasil setahun. Ini akan membolehkan pesawah-pesawah tersebut menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Pengerusi, saya merasa gembira juga mendengar semasa mengemukakan peruntukan untuk Kementerianya, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa Kementerian beliau akan memberi keutamaan kepada kemajuan tanaman makanan dalam tahun 1977. Dari segi ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk menimbang menjadikan Malaysia 100% self-sufficient dalam pengeluaran beras atau padi. Dengan cuaca yang baik dan tanah yang subur, Malaysia sepatutnya boleh mengeluarkan beras yang cukup, bukan sahaja untuk kegunaan kita sendiri tetapi juga untuk eksport. Pengimpotan beras dari negeri-negeri luar janganlah digalakkan lagi.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh Kepala B. 24, muka surat 160, Aktiviti (2) Penggalakan dan Penyeliaan, Jabatan Pembangunan Koperasi. Banyak koperatif memerlukan bantuan kewangan supaya memperkembangkan kegiatannya. Selalunya persatuan-persatuan ini berpaling kepada bank-bank untuk mendapat pinjaman-pinjaman yang diperlukan. Sekarang terdedahlah bahawa salah satu daripada peraturan di bawah Rancangan Credit Guarantee Corporation menentukan bahawa bagi pinjaman kepada koperatif hendaklah diluluskan tiap-tiap dan segala ahlinya mesti menjamin bersama-sama bagi koperatif itu (jointly or severally) kerana bank itu tidak boleh meluluskan pinjaman kepada koperatif yang liabilitinya terhad (limited liability). Peraturan ini sama sekali tidak berdasarkan kenyataan kerana ini akan menyekatkan pembangunan gerakan koperatif. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengemukakan perkara ini kepada pihak yang berkenaan untuk memperbaiki keadaan yang kurang memuaskan ini. Tindakan yang sertamerta diperlukan kerana terdapatnya beberapa bank yang telah mendahulukan wang ini kepada beberapa koperatif tanpa memahami dengan sepenuhnya peraturan-peraturan yang wujud ini tetapi permohonan baru yang lain untuk peminjam daripada

koperatif telah dihentikan atau digantungkan dan ianya masih menunggu pindaan peraturan-peraturan ini.

5.00 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Pertanian. Yang pertama, saya suka menyentuh Kepala Bekalan 23, muka surat 145, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (11)—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN).

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan dalam Jabatan MAJUIKAN kerana telah memberi bantuan bot kepada nelayan-nelayan dalam kawasan saya itu sebanyak 11 buah bot. Dalam projek MAJUIKAN di kawasan saya ini, saya mendapat lapuran daripada pegawai-pegawai yang berkenaan mengatakan projek di kawasan itu adalah salah sebuah projek yang berjaya. Jumlah bot yang diberi sebanyak 11 buah cuma boleh menampung 50 orang nelayan sahaja, pada hal di kawasan saya itu setakat ini ada lebihkurang 500 nelayan yang berkehendakan bantuan serupa itu. Oleh yang demikian, saya berharap sangat supaya Kementerian dapat menimbang supaya ditambah lagi bot-bot untuk nelayan-nelayan yang masih belum menerima bantuan itu. Selain daripada bot-bot itu, baru-baru ini saya pergi berjumpa dengan nelayan-nelayan tersebut mereka berkehendakan bot yang lebih berat yang kadar beratnya lebih daripada 40 tan supaya nelayan-nelayan ini dapat pergi lebih jauh lagi ke tengah laut. Hari ini dengan bot yang diberikan itu mereka tidak dapat pergi lebih jauh ke tengah laut. Jadi, saya harap pihak MAJUIKAN dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat menimbangkan permohonan ini.

Selain dari bantuan bot, saya juga mengharapkan supaya dapat dibina sebuah jeti untuk bot-bot ini mendarat apabila balik dari laut. Kemudahan ini kalau diadakan maka akan menguntungkan pihak nelayan-nelayan tadi kerana selama ini ikan-ikan yang dapat ditangkap itu terpaksa diupah orang untuk mengangkutnya. Sekiranya ada jeti di situ maka terus sahaja ikan ini dibawa naik ke atas lori yang dapat berhenti di tepi pantai.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh Kepala Bekalan 24, Jabatan Pembangunan Koperasi, Pecahan-kepala 1300, Aktiviti (3)—Odit dan Akaun. Salah satu faktor yang menghalang kemajuan se sebuah koperasi ialah kelewatan membentangkan Penyata Kira-kira Untungrugi dan Timbangan Kira-kira syarikat kepada ahli-ahli. Sering kali berlaku sebuah syarikat tidak dapat mengadakan Mesyuarat Agongnya pada masa yang dikehendaki oleh Undang-undang Tubuhnyanya sendiri lantaran penyata kira-kira tahunan tidak siap. Biasanya kelewatan menyiapkan penyata kira-kira syarikat tersebut itu tidak boleh kita bebaskan kesalahannya itu kepada pihak jawatankuasa syarikat yang berkenaan. Sebaliknya kesalahan kelewatan menyiapkan penyata kira-kira itu bolehlah kita pertanggungjawabkan kepada Jabatan Koperasi.

Tuan Pengerusi, saya katakan demikian, pernah berlaku ada Syarikat-syarikat Koperasi yang menghantar penyata kita-kiranya untuk diudit oleh Jabatan yang berkenaan kadang-kadang mengambil masa 6-7 bulan, penyata itu belum sampai dan belum siap. Kelewatan yang disebabkan oleh Jabatan Koperasi ini menimbulkan berbagai-bagai masalaah. Pihak ahli-ahli syarikat mempersoalkan kejujuran dan amanah ahli-ahli jawatankuasa yang berkenaan. Timbul masalaah syak-wasangka terhadap ahli-ahli jawatankuasa. Boleh jadi kira-kira ini tidak dapat diselesaikan kerana wang sudah digunakan untuk faedah yang lain atau disewangkan keuntungan itu kepada jalan yang lain dan berbagai-bagai lagi perasangka buruk terhadap jawatankuasa. Ini yang saya katakan menghalang kemajuan koperasi yang berkenaan. Dalam hubungan ini, setelah saya baca lapuran buku hijau Anggaran Belanjawan 1977, muka surat 310, saya dapati sebab-sebab yang melewatkan penyata kira-kira ini disahkan kerana jumlah Kerani Akaun atau Kerani Odit yang ada dalam Jabatan Kemajuan Kerjasama atau koperasi ini cuma 65 orang sahaja dan 13 orang Juru Odit dan mengikut buku ini mengatakan seorang kerani odit dijangka dapat melaksanakan 12 tahun odit dalam setahun. Ertinya, seorang kerani odit boleh odit satu tahun odit selama sebulan, setahun 12. Jadi, kalau 65 orang boleh odit lebihkurang 730. Kalau kita tenguk di sini tunggakan (backlog) tahun 1975 sahaja ada 1,000 tahun odit dan dalam tahun 1977 dijangka ada 2,250 tahun

odit. Dengan kerani odit yang hanya 65 orang ini berapa banyak odit yang dapat dibuat. Ini juga saya rasa akan menghalang ataupun membantutkan kemajuan Syarikat Kerjasama. Dalam hubungan ini saya berharap sangat Jabatan yang berkenaan akan menambahkan kerani odit yang berkenaan bukan setakat 3-4 orang, bahkan saya menyeru supaya ditambah 100% kalau boleh untuk tujuan memajukan Syarikat Kerjasama.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka menyentuh Pecahan-kepala 2800, muka surat 162, Aktiviti (2)—Penggalakan dan Penyelidikan. Pada 14hb September, 1976 Jabatan Koperasi telah menghantar Pekeliling kepada semua koperasi-koperasi dalam negara ini. Rujukan KOOP/IP. 130/SJ/1/2, 8E, 8B dan 10B. Dalam Pekeliling itu berbunyi:

“Tidak ada siapa yang boleh dilantik sebagai ahli Lembaga untuk jangka masa yang melebihi 6 tahun di dalam mana-mana koperasi selain daripada koperasi-koperasi yang tujuannya semata-mata untuk memberi nasihat dan pengawasan.”

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya telah dapat meninjau banyak koperasi di kawasan saya, mereka rasa tidak puashati dengan Pekeliling yang telah diedarkan oleh Jabatan Koperasi ini. Pekeliling ini kalau dilaksanakan maka banyaklah koperasi-koperasi akan lumpuh, sebab kita hendak mendapatkan ahli-ahli jawatankuasa, terutama Bendahari yang jujur dalam satu-satu tempat atau satu-satu kampung sangat sukar-hendak mencari orang yang jujur yang dapat membelanjakan wang-wang syarikat dengan jalan dan peraturan yang dikehendaki sangat sukar. Jika jawatankuasa ini dikehendaki berhenti setelah berkhidmat 6 tahun maka kita susah hendak mendapat ahli-ahli lain yang jujur. Maka dengan itu menyebabkan koperasi yang berkenaan akan lumpuh dan harus gulung tikar. Dalam hubungan ini sekali lagi saya menyeru dan berharap sangat supaya pihak Jabatan Koperasi akan mengkaji semula Pekeliling ini, kalau tidak boleh dipinda pun kita longgarkan mana-mana yang dapat kita longgarkan, misalnya, ahli lembaga yang sudah berkhidmat 6 tahun lebih itu, kalau pun kena berhenti dapat persetujuan, kita boleh buat syarat mendapat persetujuan pengarah ataupun persetujuan Menteri yang berkenaan, baru boleh dilantik

semula. Jadi, kalau perkara ini dapat dilakukan, saya jangka pihak koperasi yang berkenaan ini tidaklah akan ditutup atau berkubur begitu sahaja setelah berjalan begitu baik selama ini.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

5.10 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertanian dan saya mengucapkan terima kasih kerana Kementerian ini telah membuat berbagai perubahan di bidang pertanian. Di samping itu saya berharap perubahan itu akan ditambah lagi.

Saya bercakap dalam B. 23, Pecahan-kepala 1100 muka surat 141, Aktiviti Pentadbiran Am. Sebagaimana saya kata tadi banyak usaha pertanian dari Jabatan Pertanian khususnya Kementerian berkenaan yang telah membawa berbagai jenis padi yang baik yang mana hasilnya bertambah daripada masa tahun-tahun yang lalu. Tetapi memandangkan kepesatan penduduk sedangkan tanah tidak bertambah. Contohnya, seperti di Perlis walau daripada saya kecil dahulu sampai kepada cucu saya, saya ingat tidaklah bertambah luasnya 316 batu persegi, tetapi sekarang manusia ini bertambah dengan berlipat kali ganda. Dengan sebab itu, usaha yang pesat untuk menambah hasil pertanian patutlah diusahakan dengan sungguh-sungguh lagi. Saya berharap Kementerian berkenaan dapat menghantar wakil-wakil Kementerian untuk mencari jalan untuk menambah hasil padi baik cara membajak yang lebih cepat dan mendapatkan benih yang lebih baik. Dan juga dihantar wakil-wakil bagi mencari jalan memproses segala bahan-bahan pertanian, bukan sekadar padi sahaja tetapi pokok padi itu juga boleh digunakan. Saya dapat tahu di Taiwan dan Jepun segala bahan pertanian dapat digunakan semuanya. Saya harap Kementerian berkenaan dapat menjalankan penyiasatan perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, apa yang menyedihkan tentang negeri Perlis yang kecil itu kalau satu-satu pegawai yang agak bagus bekerja di Perlis, baru-baru ini Pengarah Pertanian yang agak bagus terpaksa ditukarkan ke tempat lain, sebabnya saya dapat tahu jawatan untuk naik pangkat baginya tidak ada di Perlis. Saya merayu kepada Menteri

berkenaan tolonglah adakan jawatan itu, jangan pegawai dihantar ke Perlis yang pelatih-pelatih semuanya. Bukanlah saya berdasarkan faham kedaerahan, tetapi ini adalah kenyataan.

Saya juga berharap oleh kerana pendapatan petani amat sedikit kalau dibanding dengan tenaga yang dikeluarkan maka kemudahan daripada Jabatan berkenaan patutlah diberi seumpama trektor dan sebagainya. Saya syorkan supaya Jabatan ini memberi pinjaman dengan syarat-syarat itu dimudahkan lagi. Kalau boleh diuntukkan kepada satu kampung atau satu kawasan itu sebuah trektor percuma dengan diawasi oleh pejabat pertanian, kerana kita tahu seperti saya kata tadi hasil pertanian itu amatlah sedikit, sedangkan musim bekerja tidak boleh tangguhkan. Katakanlah, musim air kalau masa tiga bulan, kalau lewat diterektor maka padi yang kita tanam tidak habis ataupun kalau kita tanam lambat padinya diambil akan masuk air seperti kata Ahli dari Arau tadi padi yang berharga \$30-\$40 terpaksa jadi \$10. Alat-alat itu patutlah diberikan.

Sekarang saya bercakap hal taliair. Saya selalu menyatakan dalam Dewan ini saya tak nafikan pengawainya ada kelulusan "engineering", orang kampung tidak ada kelulusan, tetapi kita tak boleh nafikan kebolehan orang kampung kerana alah bisa tegal biasa. Kadang-kadang tempat yang dibuat ampangan itu dikatakan tak sesuai oleh penduduk dan semua buat rayuan jangan dibuat di situ. Mereka kata, "Tuan Engineer, tempat yang tuan buat ampangan tak dinaiki air ataupun hendak buat ampangan, air tak keluar kerana salurannya bukan di tempat itu." Tetapi dibuat juga berdasarkan kelulusan engineer itu. Akhirnya, apa yang dikatakan oleh orang kampung itu adalah kenyataan. Ampangan tinggal ampangan, yang rugi ialah wang Kerajaan sehingga memakan belanja \$14,000—\$15,000. Perkara ini saya biasa nampak. Dengan sebab itu, saya tidak nafikan kebolehan engineer, kebolehan tetap kebolehan, tetapi kebiasaan atau kemahiran orang kampung tidak boleh dinafikan juga. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian berkenaan tentang kejuruteraan, sebelum hendak buat suatu ampangan, nasihat daripada petani patutlah juga didengar walaupun tidak seratus-peratus apatah lagi dengan sebulat suara disetujui oleh penduduk yang berkenaan. Saya merayu kerana perkara ini memang biasa berlaku.

Tuan Pengerusi, tentang Aktibiti (4) Pembangunan Luar Bandar mengenai Pembangunan Masyarakat. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri berkenaan kerana saya ketahui dalam akhbar beliau telah menyatakan elauan penyelia akan dikaji dan akan dinaikan.

Saya amatlah bersetuju dan saya harap dapat dilaksanakan dengan seberapa segera, sebab saya kata begitu, saya juga sama dengan wakil Sungai Petani bekas penyelia kemajuan masyarakat daripada 1961—1971. Masa saya dahulu menjadi penyelia tugas tidak bertambah; tidak ada rancangan desa usaha, kelas T.D.K. tidak ada, sedangkan hari ini berbagai rancangan telah bertambah. Walaupun kebolehan penyelia lulusan sekolah rendah semacam saya juga, tetapi memandangkan keadaan seribu satu macam, kalau elau orang lain boleh kita naikan memandangkan kepada keadaan, termasuk juga kita elau sebagai Wakil Rakyat, maka elau penyelia itu haraplai dapat timbangan termasuk guru-guru dewasa sebagaimana dikatakan oleh Menteri itu. Saya harap sangatlah dan saya berdoa semoga menjelang 1977 apa yang dikatakan oleh Menteri berkenaan dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Tempoh Ahli Yang Berhormat 5 minit sudah cukup.

Tuan Shaari bin Jusoh: Satu ayat lagi. Tentang koperasi saya amatlah setuju Kerajaan akan mencantumkan koperasi, tetapi saya berharap yang bagus biarlah berjalan cara bagus yang tak bagus patutlah Kerajaan cantumkan. Jadi koperasi yang maju kita akan campurkan yang kurang maju tentulah mereka tidak mahu. Satu lagi segala undang-undang atau Akta yang akan dibawa ke dalam Dewan ini, saya berharap mendapat sedikit sebanyak fikiran daripada koperasi yang telah maju supaya apa yang mereka tahu menjadi kajian bersama supaya bertambah baik lagi.

5.16 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, negara kita tiap-tiap tahun mengimport beribu juta ringgit dari luar negeri. ini akibatnya kerugian foreign exchange yang besar, sepatutnya negara kita boleh sanggup melengkapkan diri atas perkara ini oleh kerana cuaca dan alam sekitarnya adalah baik dan sesuai. Apa yang kekurangan ialah rancangan yang betul dan dinamik.

Tuan Pengerusi, nampaknya Kerajaan ada menjalankan beberapa projek menternak lembu tetapi boleh dikatakan banyak projek tersebut telah gagal, sebab-sebab kegagalan itu sangat terang. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan memperuntukan cukup wang kepada Jabatan Haiwan untuk menjalankan projek-projek yang besar supaya negara kita boleh jimatkan foreign exchange dan rakyat jelata akan dapat daging-daging yang murah.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Kepala P. 23 muka surat 154 dan 155, Jabatan Haiwan. Saya suka sentuh dalam Pecahan-kepala 196—Perkhidmatan Peranian Beradas (Development of Artificial Insemination Services). Tuan Pengerusi, nampaknya peruntukan sebanyak \$700,000 kepada perkhidmatan ini tidak mencukupi oleh kerana ada masaalah terhadap pemeliharaan di kawasan seperti Bukit Mertajam, Sepang, Sg. Pelik dan juga Bukit Pelanduk di mana pemelihara ada komplek kekurangan kakitangan di Jabatan Haiwan.

Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Peranian Beradas (Development of Artificial Insemination Services) ialah sangat penting kepada pemelihara. Kalau Jabatan Haiwan kurang kakitangan, perkhidmatan permainan beradas tidak boleh dijalankan kepada binatang binatang dan kita semua tahu kalau seekor binatang akan bermain beradas, jadi ia tidak boleh tunggu. Kalau kakitangan kurang di Jabatan Haiwan dan apabila pemelihara minta perkhidmatan seperti ini jawapan dari Jabatan Haiwan ialah kekurangan kakitangan dan juga pada masa itu barangkali hari Sabtu atau hari Ahad, Jabatan Haiwan tidak boleh memberi perkhidmatan seperti ini. Saya harap Jabatan Haiwan mengambil berat perkara ini dan memberi perkhidmatan yang sesuai kepada pemelihara, jika tidak, ini adalah merugikan pemelihara.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya suka sentuh di sini ialah harga daging babi sekarang. Harga babi sekarang sangat rendah jadi pemelihara-pemelihara di kawasan-kawasan seperti yang saya sebutkan tadi ada rugi besar oleh kerana harga sepikul sekarang tidak kurang \$100 dan kos mereka ialah barangkali \$120 atau \$130. Mereka sekarang ada menghadapi satu situasi yang serious dan kerugian yang besar. Saya harap Kerajaan Pusat khasnya Jabatan Haiwan ambil tindakan untuk menolong pemelihara-pemelihara

yang sekarang dapat kesusahan, mencari jalan ekspot babi-babi kepada negeri-negeri seperti Hongkong atau lain-lain tempat. Ini adalah satu perkara yang penting sekarang dan saya harap Kerajaan Pusat campur-tangan sebelum mereka bankrupt.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Matang, yang akhir sekali.

5.24 p.g.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pertanian sebanyak \$455,164,690. Saya suka mengambil peluang ini kerana kawasan saya ialah kawasan luar bandar yang sentiasa diambil perhatian berat oleh Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini.

Saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini khususnya Ketua-ketua Pengarah yang sentiasa membuat lawatan memberi pandangan dan nasihat kepada rakyat yang berada di luar bandar. Oleh kerana pada masa sekarang ini apabila sahaja pegawai-pegawai sudah turun berjumpa dengan rakyat khususnya pegawai-pegawai tinggi, saya rasa dan saya dapati kesannya baik dan didapati kemungkinan ada perubahan khas berkenaan dengan rakyat dalam lapangan pertanian, perusahaan dan lain-lain yang di luar bandar khususnya di kawasan saya yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, di dalam kawasan saya sendiri sungguhpun banyak Jabatan yang ada di bawah Kementerian ini, tetapi L.P.P., Jabatan yang baru sekarang telah begitu cepat membuat bangunan pejabatnya di kawasan tersebut. Sepatutnya dalam hal ini eloklah Jabatan-jabatan yang lain yang ada kaitan berkenaan dengan rakyat di luar bandar mengambil perhatian, oleh kerana apabila sahaja pejabat L.P.P. ini ada di tengah-tengah petani-petani, saya nampak keadaan petani-petani telah banyak ada perubahan yang ada kaitannya dengan rancangan-rancangan yang berada di bawah pentadbiran L.P.P. Saya percaya jika sekiranya Kementerian ini dapat mengambil perhatian berat supaya masalah ini dapat disatukan dan pejabat-pejabat kecil yang seperti ini berada ditengah-tengah rakyat, maka kemungkinan akan bertambah baik lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, di dalam kawasan Larut dan Matang yang ada kaitannya dengan Ahli Parlimen dari Larut, Taiping, pejabat yang ada di dalam kawasan itu ialah Pejabat Perikanan, Pejabat Koperasi, Pejabat Pertanian dan Pejabat-pejabat ini berada di lain-lain bangunan, kalau tidak silap saya Jabatan Perikanan masih menyewa di satu bangunan yang ada di Taiping. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah satu jalan yang baik supaya jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian ini dapat disatukan di peringkat daerah supaya apabila sahaja timbul masalah rakyat, maka mereka dengan dapat berjumpa pegawai-pegawai yang ada di tempat tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan berkenaan dengan Jabatan Pembangunan Koperasi. Mengikut banci tahun 1975 hanya ada 1,200 sahaja bilangan koperasi, tahun 1976 1,290 dan pada tahun 1975 ahlinya ada 772,000 dan tahun 1976 849,200, jumlah kumpulan kewangan \$728 juta dan tahun 1976 \$802 juta. Ini bererti keadaan kemajuan koperasi telah maju pada tiap-tiap tahun. Kemungkinan ini pada pendapat saya, oleh kerana di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara telah digalakkan supaya dapat ditubuhkan koperasi, ertinya sebahagian daripada keahlian kewangan dan bilangan koperasi ini dapat ditambah oleh bilangan penuntut-penuntut atau sekolah-sekolah yang berkenaan yang menggalakkan berkenaan dengan koperasi. Oleh sebab itu, eloklah satu cara yang baik dapat difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya koperasi ini bukan setakat ini sahaja bahkan menjadi satu pelajaran yang baik bukan sahaja kepada sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah pun patut menjadi galakan ataupun sekurang-kurangnya mereka telah dapat mempelajari bagaimana kemajuan koperasi seperti negara-negara lain yang sudah maju di dalam lapangan ini. Kalau kita dapati tahun 1975/1976 begitu maju sekali, saya percaya kemungkinan pada tahun-tahun yang akan datang tentulah lebih lagi dan bilangan koperasi akan bertambah lebih banyak, begitu juga bilangan ahlinya serta jumlah kumpulan kewangannya bertambah. Maju atau mundurnya mereka ini adalah dipimpin oleh jawatankuasa koperasi-koperasi tempat masing-masing.

Dan di samping itu di dalam negara kita ini dibantu oleh Kolej Koperasi yang ada di Petaling Jaya sudah begitu lama. Dan siapa yang melihat Kolej Koperasi dalam satu masa yang lama dahulu, jika mereka melawat pada masa sekarang inipun tidak ada perubahan samada dari segi bangunan mahupun dari segi pelajaran yang diajar di situ. Oleh sebab saya sedar Kolej Koperasi ini bukan ditadbirkan oleh Kementerian sendiri, maka sudah sampai masanyalah supaya pembangunan koperasi ini dapat dimajukan ke seluruh negara, Kolej Koperasi yang ada itu dapat ditadbirkan oleh Kementerian. Jika sekiranya Kementerian-kementerian yang lain boleh mengadakan Maktab atau Kolej lebih besar, khasnya Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian-kementerian yang lain-lain eloklah saya percaya Kementerian ini boleh pula membangunkan sebuah Kolej Koperasi sendiri yang besar yang boleh mentadbirkan boleh menolong kepada rakyat di seluruh negara ini. Jika menasabah, dibuat cawangan-cawangannya supaya dapat pembangunan koperasi yang dipimpin oleh rakyat sendiri itu dapat diberi pengetahuan dan pendidikan kepada mereka dapat membangun koperasi, tambahan pula, penuntut-penuntut sekolah di samping mereka dapat belajar boleh menjadi ahli koperasi yang baik. Saya percaya jika mereka ini diberi galakan pada masa cuti sekolah misalnya dibawa pemimpin-pemimpin mereka ini diberi latihan, kursus dan sebagainya, saya percaya bukan sahaja koperasi, bahkan dalam lapangan lain pula yang di bawah pentadbiran Kementerian inipun dapat diterima oleh penuntut-penuntut tersebut dan dapat maju bersama-sama dengan ibu bapa mereka bagi pembangunan negara.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas apa yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain khasnya berkenaan dengan koperasi supaya mendapat mengambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, kami daripada Sabah dan Sarawak belum ada bercakap. Saya minta izin bercakap dengan ringkas.

Tuan Pengerusi: Sudah 5.30 petang, Yang Berhormat tidak bangun tadi.

Tuan Edwin anak Tangkun: Saya ada bangun empat kali.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.32 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil masa kira-kira dua jam untuk membahaskan Budget Kementerian saya, dan kalau sekiranya saya hendak menjawab satu-persatu akan bahasan mereka itu, maka saya percaya saya terpaksa memakan masa dua jam lagi dan oleh kerana itu saya tidaklah bermaksud untuk mengulas satu-persatu, hanyalah saya akan simpulkan kepada beberapa prinsipnya dan saya akan jawab perkara-perkara yang penting.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Berkenaan dengan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pandangan-pandangan mengenai sesuatu projek yang dijalankan itu, jika sekiranya saya tidak sebutkan dalam jawapan saya ini, perkara-perkara itu akan diambil perhatian dan dilaksanakan ataupun diperbaiki pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, barangkali ada Ahli Yang Berhormat menyangka bahawa polisi pertanian masing-masing Kementerian ini dibuat oleh masing-masing Kementerian secara bersendirian-sendirian sahaja. Yang sebenarnya, polisi Kementerian polisi pertanian, walaupun dijalankan perkara pertanian oleh beberapa Kementerian, tetapi adalah dikoordinasikan oleh Economic Planning Unit dan juga National Development Planning Unit dan juga agensi-agensi yang lain.

Jadi yang sebenarnya tidak adalah soal bersendirian-sendirian dalam perkara pelaksanaan pertanian, pelaksanaan dasar pertanian, pelaksanaan pembangunan pertanian di negara kita ini oleh kerana jentera-jentera koordinasinya itu telah ada. Yang berbezanya ialah bila menjalankan kerja-kerja pembangunan pertanian ini, maka masing-masing Kementerian berserta dengan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya menjalankanlah peranan masing-masing.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah tidak cukupnya rancangan-rancangan drainage and irrigation yakni perairan dan juga saluran bagi banyak beberapa kawasan yang tidak membolehkan tanaman padi terutama sekali tanaman padi dua musim dalam setahun. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Ketiga, Kementerian saya bercadang menjalankan selain daripada projek-projek besar yang telah berjalan yang sedang berjalan dan yang akan dijalankan, maka Kementerian saya akan menjalankan 152 buah projek kecil yakni drainage and irrigation di seluruh tanahair kita yang dianggarkan menelan belanja kira-kira \$200 juta. Jadi, Tuan Pengerusi, kawasan-kawasan yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat itu di tempat masing-masing, maka boleh dikatakan semuanya ini adalah di dalam perhatian Jabatan Parit dan Talian di bawah Kementerian saya.

Perkara yang ketiga yang umum yang banyak dibangkitkan ialah berkenaan dengan ternakan, terutama sekali ternakan susu dan daging. Pada masa sekarang ini memanglah benar bekalan daging lembu kita 85% cukup yakni self-sufficient dan mengikut rancangan yang ada sekarang pada tahun 1990 baharulah kita dapat cukup bekalan yakni self-sufficient dalam bekalan daging lembu.

Berkenaan dengan bekalan susu dan barang-barang yang berkaitan dengannya seumpama mentega dan sebagainya itu, sekarang ini bekalan kita hanyalah 5% sahaja dari dalam negeri, 95% kita impot daripada luar negeri. Dan mengikut rancangan yang ada tersusun sekarang ini pada tahun 1990 kita hanya dapat mencapai 20% sahaja cukup bekalan. Dengan memandangkan ini maka saya rasa amat lambat kita mencapai matlamat self-sufficient ataupun cukup bekalan, bahkan berkenaan dengan susu dan sebagainya itu pada tahun 1990 pun kita hanya mencapai matlamat 20% sahaja cukup bekalan. Sekarang ini saya telah mengarahkan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya yang berkenaan dengan ternakan ini supaya menyusun semula rancangan ternakan supaya kita dapat cepatkan lagi cukup bekalan lembu samada daging dan susu. Jadi di antara yang sedang dikaji sekarang ini kalau kita hendak bergantung bekalan

pembiakan daripada dalam negeri sebagai mana yang ada dan juga impot alakadar baka-baka yang daripada luar negeri ini terlalu lambat, saya telah mengarahkan kepada pegawai-pegawai supaya mengkaji secara dinamik, cuba dapatkan baka-baka yang sesuai seberapa banyak yang boleh dibawa masuk ke dalam negara kita untuk dibiakkan dan diternakkan. Kalau kita hendak bergantung kepada sumber-sumber dalam negeri untuk dibiakkan terlalu lambat. Berkenaan dengan perkara ini, Kementerian saya akan menjalankan berbagai-bagai langkah untuk membawa masuk seberapa banyak yang boleh baka-baka lembu yang sesuai untuk diternakkan, termasuklah di bawah rancangan ternakan Majuternak dan juga di bawah rancangan ternakan sistem pawah hendak kita banyakkkan, sebagaimana yang saya telah sebutkan di dalam ucapan saya semasa membentangkan Budget Kementerian saya tadi.

Berkenaan bantuan kepada nelayan-nelayan, Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat dengar hati-hati iaitu ucapan saya mengenai bantuan-bantuan nelayan-nelayan yang berbentuk subsidi, bentuk wang dan sebagainya untuk membeli alat perkakas, untuk membeli injin dan sebagainya, saya ada menyebutkan bahawa dalam Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga untuk bantuan-bantuan tersebut ini Kerajaan telah menyediakan \$70 juta untuk diberikan bantuan-bantuan kepada nelayan-nelayan dalam bentuk hendak memodenkan tangkapan ikannya.

Jadi dengan yang demikian, Tuan Pengerusi, tidak payahlah saya ulas lagi dalam jawapan ini.

Berkenaan dengan KEMAS ini hendak menaikkan elaunnya, diperbaiki perkhidmatannya, kecukupannya dan sebagainya, perkara ini memanglah telah sedia ada di dalam perhatian Kementerian saya sekarang ini, bahkan langkah-langkah untuk mencapai tujuan itu sedang dijalankan sekarang ini.

Berkenaan dengan ahli-ahli koperasi yang telah memegang jawatan di dalam Lembaga Pengarah Koperasi yang telah cukup enam tahun tidak boleh memegang jawatan lebih daripada tempoh itu, maka sukalah saya menjelaskan di dalam Dewan ini yang

sebenarnya pihak-pihak koperasi telah dijelaskan dan telah faham akan kedudukan perkara ini kecuali beberapa orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang masih belum faham. Saya juga telah beberapa kali membuat penjelasan, iaitu tujuan kita mengadakan ini ialah untuk melindungi kepentingan-kepentingan koperasi dan untuk melindungi kepentingan ahli-ahli, kerana kalau satu-satu puak itu memegang jawatan terlalu lama dan dapat menyelewengkan perjalanan koperasi itu, selagi mereka itu tinggal menguasai koperasi maka penyelewengan-penyelewengan itu tidak dapat dibongkar serta dikeluarkan untuk dibetulkan oleh pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan terpaksa menyingkirkan mereka itu keluar dan kemudian mencungkil segala penyelewengan yang berlaku, barulah dapat dibetulkan. Inilah tujuan asasnya iaitu hendak melindungi kepentingan ahli-ahli dan juga perjalanan koperasi.

Dalam perkara melaksanakan ini bagi koperasi-koperasi yang Kerajaan fikirkan telah berjalan dengan baik dan betul serta tidak disyaki adanya berlaku sebarang penyelewengan oleh satu-satu puak atau komplot, ataupun satu-satu orang maka mereka itu dibenarkan memegang jawatan lebih daripada tempoh enam tahun, lain syarat menghadkan kepada enam tahun itu boleh dikecualikan. Tetapi apabila Kerajaan berfikir bahawa ada penyelewengan, ada pihak-pihak yang menyelewengkan, maka mereka itu tidak dibenarkan memegang jawatan selanjutnya supaya jawatan-jawatan itu boleh dipegang oleh orang lain yang tidak bersubahat dalam kunci-kunci penyelewengan bahkan penipuan, dengan demikian dapatlah Kerajaan membetulkan.

Bagi koperasi yang sudah betul perjalanannya, yang tidak ada penyelewengan—tidak ada masalaahnya. Saya telah menurunkan kuasa untuk memberikan pengecualian ini bagi membenarkan ahli-ahli ini memegang jawatan lebih daripada enam tahun telah digezetkan supaya Pendaftaran Koperasi boleh memberikan pengecualian secara lebih otomatik dan lebih cepat lagi. Jadi tidak ada apa yang kita patut ragukan lagi berkenaan dengan peruntukan untuk menghadkan tak lebih daripada enam tahun ini. Segala kelonggaran (flexibility) telah kita berikan.

Satu lagi ialah berkenaan dengan Maktab Koperasi (Co-operative College). Kementerian saya sekarang ini sedang menimbang dan mengkaji apakah perubahan-perubahan yang patut kita lakukan kepada Maktab Koperasi ini supaya menjadikannya lebih cergas dan lebih dinamik lagi supaya dapat menampung keperluan gerakan koperasi seluruhnya. Sekarang ini perbelanjaan Kolej Koperasi adalah ditanggung oleh syarikat-syarikat koperasi yang ada dan peranan Kerajaan atau bantuan Kerajaan adalah amat sedikit pada masa sekarang ini. Jadi sekiranya perlu setelah disiasat dan dikaji pada masa akan datang, maka saya percaya pihak Kerajaan tidak keberatan mengambil alih Maktab Koperasi ini untuk dijadikan Maktab Kerajaan untuk ditanggung oleh Kerajaan sepenuhnya bagi membolehkan pembangunan koperasi berjalan dengan lebih baik lagi pada masa hadapan. Perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian ini dan saya sendiri telah mengarahkan supaya kedudukan Kolej Koperasi ini dikaji dengan tujuan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi itu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ada beberapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan berbagai-bagai perkara. Sukalah saya menjelaskan di sini ada seorang Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan masalah MARDI untuk memperhebatkan tanaman kopi. Sebenarnya pihak MARDI memanglah menjalankan penyelidikan dan pada masa sekarang ini kita masih mengimpot kopi terlalu banyak, dengan sebab itu sebagaimana yang telah saya katakan beberapa waktu dahulu, iaitu kita hendak membanyakkan lagi tanaman kopi supaya sekurang-kurangnya dapat memenuhi keperluan negara yang sekarang ini kita impot kopi berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun. Dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kerajaan bercadang hendak menanam ataupun intercrop iaitu menanam di celah-celah pokok kopi ini sejumlah 20,000 ekar lagi selain daripada yang telah sedia ada ditanam samada tanaman sendiri atau intercrop di bawah tanam-tanaman lain, dan tanaman-tanaman ini adalah memang diberi subsidi ataupun bantuan oleh pihak Kerajaan.

Berkenaan dengan masalah-masalah banjir di kawasan Perlis, saya suka menyatakan bahawa perkara itu sekarang

sedang di dalam kajian untuk mengatasi perkara banjir.

Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat telah menyebutkan berkenaan hendak menggali Kuala Sungai Tumpat. Yang sebenarnya perkara ini pada masa sekarang adalah di dalam perhatian dan insya Allah tidak berapa lama lagi apabila sudah selesai musim tengkujuh, Jabatan Marine akan mula menggali Kuala Sungai Tumpat, sebab segala-galanya telah diaturkan, cuma menunggu masa menggalnya sahaja.

Tuan Pengerusi, saya fikir inilah sahaja pada amnya, dan perkara-perkara detail yang satu persatu itu tidak payahlah saya jawab. Sebagaimana saya kata pada awal tadi, saya simpulkan kepada beberapa topik atau beberapa prinsip dan Kementerian saya akan mengakui satu persatu perbincangan-perbincangan terutama sekali syor-syor dan kritik-kritik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dijalankan dan untuk diperbaiki perkhidmatan mana-mana yang telah ada.

Akhirnya, suka saya mengulangi iaitu tujuan Kerajaan memanglah baik, tetapi dalam melaksanakannya itu, kadang-kadang tujuan Kerajaan tidak dapat dicapai oleh berbagai-bagai masalah dan dengan demikian menimbulkan rasa tidak puas hati atau rasa marah daripada rakyat.

Tuan Pengerusi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat itu kalau sekiranya ada satu-satu rancangan Kerajaan yang tidak betul perjalanannya di tempat masing-masing, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa sedia memberitahu saya supaya seberapa cepat yang boleh saya akan melawat on the spot dan menghuraikan masalah itu on the spot juga. Kalau hendak ditunggu setahun lagi untuk diambil perhatian barangkali tidak nampak, sebab banyak sangat. Jadi saya berharap kalau ada rancangan Kerajaan yang gagal ataupun yang lambat serta di dalam kacau-bilau di satu-satu tempat, maka yang sebenarnya ialah masalah perlaksanaan sahaja, dan kalau sekiranya ada, silalah beritahu saya seberapa lekas yang boleh dan seberapa cepat yang boleh juga saya akan melawat tempat itu sendiri untuk menghuraikan on the spot.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$124,469,100 untuk Kepala B. 23 dan \$5,974,000 untuk Kepala B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$330,695,590 untuk Kepala P. 23 dan \$1,923,100 untuk Kepala P. 24 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Kepala B. 25 (Jadual)

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1977)

5.50 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan tahun 1977 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah sebanyak \$47,760,460. Dari jumlah ini \$36,814,700 adalah Anggaran Belanja Mengurus dan \$10,945,760 adalah Anggaran Pembangunan masing-masing di bawah Kepala Bekalan 25 dan Kepala Pembangunan 25.

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1977 adalah berlebihan sebanyak \$4,913,100 jika dibandingkan dengan Anggaran Belanja Mengurus tahun 1976. Pertambahan ini adalah satu pertambahan selaras dengan perkembangan kegiatan-kegiatan Kementerian ini. Bagi Anggaran Pembangunan pula, peruntukan bagi tahun 1977 berkurang sebanyak \$1,544,840 jika dibandingkan dengan Anggaran Pembangunan tahun 1976. Ini adalah disebabkan Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian ini pada masa lepas telah dipindahkan ke Kementerian lain.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, antara lain, adalah bertanggungjawab terhadap penggalakan pelaburan dan perkembangan di sektor perindustrian, penggalakan eksport keluaran kilang-kilang tempatan, kawalan impot/eksport untuk tujuan melindungi industri tempatan, kawalan bekalan dan harga barang-barang keperluan untuk tujuan menentukan bekalan barang-barang keperluan adalah mencukupi dan di paras harga yang berpatutan. Selain daripada itu Kementerian ini adalah juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pertukaran timbang dan sukat yang ada sekarang ke sistem metrik.

Kemajuan Perindustrian

Sektor perindustrian akan terus merupakan sektor ekonomi yang paling pesat berkembang. Pada keseluruhannya sektor ini dijangka akan menyumbangkan 31.5% kepada jumlah tambahan Keluaran Dalam Negeri Kasar (Gross Domestic Product) dalam tahun 1975 hingga 1990 iaitu hasil daripada perkembangan nilai tambahan sebanyak 12.7% setahun dalam tempoh tersebut (berbanding dengan 10.9% dalam tempoh masa antara 1971-1975). Sektor perindustrian ini dijangka akan menjadi sektor ekonomi yang terbesar menjelang tahun 1990. Kebanyakan industri di dalam sektor ini akan berkembang dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Pertambahan bagi perusahaan makanan (food industries) adalah diramalkan pada kadar 12.5% setahun, perusahaan kain dan pakaian 12.3%, perusahaan kayu dan kertas 10.8%, perusahaan kimia dan getah 10.9%, perusahaan logam asas dan bukan logam 11.2%, jentera dan alat-alat pengangkutan 15%, dan lain-lain barang pembuatan 13.5%.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, di bidang pembangunan perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menitikberatkan perkara-perkara berikut:

- (i) Menganjurkan lebih banyak lagi penyertaan warganegara Malaysia dan Bumiputra dalam projek-projek perindustrian samada dengan atau tanpa penyertaan rakan perkongsian daripada luar negeri;
- (ii) Menyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju;
- (iii) Menganjurkan perusahaan-perusahaan yang berdasarkan kepada sektor pertanian dan bahan-bahan asli, perusahaan eksport dan perusahaan yang menggunakan teknologi moden dan juga perusahaan-perusahaan yang memerlukan banyak bilangan pekerja-pekerja.

Iklim pelaburan terus bertambah baik. Dalam masa 8 bulan pertama tahun 1976, sejumlah 274 permohonan telah diterima untuk mendirikan projek-projek perindustrian. Dari jumlah ini, 216 projek telah diluluskan. Pelaburan modal yang terlibat di dalam projek-projek ini adalah dianggarkan

sebanyak \$641 juta dan apabila dilaksanakan dengan sepenuhnya kelak akan mengujudkan lebih kurang 14,000 pekerjaan. Dari segi jenis industri, perusahaan mengilang barang-barang makanan adalah yang banyak sekali (35), diikuti dengan perusahaan barang-barang kimia (33), barang-barang logam asas dan bukan logam (22), barang-barang kain dan pakaian (17), barang-barang letrik dan letronik (17), jentera (14), kertas, percetakan dan penerbitan (13).

Selaras dengan dasar untuk menyelerakan projek-projek perindustrian, langkah-langkah telah diambil bagi menempatkan kebanyakan projek-projek yang diluluskan itu di kawasan-kawasan yang kurang maju. 56% daripada 216 projek yang saya katakan tadi telah diluluskan dalam masa 8 bulan pertama tahun 1974 akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Perusahaan Pelancungan

Satu bidang perusahaan yang juga penting kepada ekonomi negara ialah perusahaan pelancungan. Dengan berkembangnya perusahaan pelancungan ini, negara kita khususnya rakyat Malaysia akan dapat faedah cara langsung dari segi pendapatan wang asing yang dibelanjakan oleh pelancung-pelancung. Perusahaan ini juga akan memberi nafas baru kepada perusahaan hotel, motel, kompleks pelancungan, syarikat pengangkutan dan sebagainya. Semua perusahaan ini mengujudkan pula peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara kita. Di samping itu perusahaan pelancungan ini juga akan dapat menghidupkan semula industri pertukangan tangan kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, pelancung-pelancung suka membeli cenderamata-cenderamata. Perbadanan Kemajuan Pelancungan telahpun menyediakan satu Pelan Induk pembangunan pelancungan negara untuk memastikan supaya perusahaan ini berkembang dengan teratur dan pesat.

Di samping menggalakkan pelancung-pelancung dari luar negeri datang melawat Malaysia, T.D.C. juga mengambil beberapa langkah menggiatkan pelancungan tempatan seperti mengeluarkan Rancangan 13 siri mengenai pengembaraan di Malaysia pada tiap-tiap minggu melalui Talivisyen Malaysia, menyertai Pamiran-pamiran tempatan

seumpama Pamiran Perdagangan F.M.M., menyiarkan iklan-iklan mengenai pelancungan di dalam akhbar-akhbar tempatan, dan mengeluarkan dan mengedarkan risalah-risalah mengenai negeri-negeri di dalam Malaysia.

Galakan Ekspot

Tuan Pengerusi, memandangkan kemajuan ekonomi Malaysia banyak bergantung kepada peranan sektor ekspot, Kementerian ini sentiasa memberi perhatian yang berat tentang usaha-usaha mengembangkan sektor ini khususnya bagi barang-barang keluaran kilang-kilang tempatan. Yang Berhormat Menteri Kewangan, tatkala menyampaikan Ucapan Belanjawan bagi tahun 1977 baru-baru ini, telah mengumumkan beberapa kemudahan pembiayaan semula (refinancing facility) bagi ekspot barang-barang perkilangan akan dilaksanakan mulai pada 1-1-77 ini. Sekarang terpulanglah kepada pengilang-pengilang dan pengeksport-pengeksport untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang akan diwujudkan itu untuk kemajuan ekspot barang-barang perkilangan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga kadar pertambahan sektor ekspot adalah dijangka di paras 7.5% setahun dengan kadar perkilangan menunjukkan pertambahan atau perkembangan tahunan sebanyak 12.7%. Perkembangan sebanyak ini adalah menggalakkan jika dibandingkan dengan nilai ekspot hasil perkilangan dalam tahun 1970 yang hanya menunjukkan 11%. Dengan berkembangnya sektor perindustrian yang begitu pesat di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga maka sektor ekspot terutamanya bagi barang-barang perkilangan akan terus berkembang. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus memainkan peranan yang penting dalam usaha menggalakan ekspot dan pelaksanaan dasar Kerajaan di bidang perdagangan antarabangsa.

Salah satu langkah yang diambil untuk mempergiatkan ekspot barang-barang keluaran kita ialah dengan menyertai pamiran perdagangan di luar negeri dan menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke beberapa buah negara. Suka saya memaklumkan iaitu dalam tahun hadapan, Malaysia

akan menyertai pamiran-pamiran perdagangan seperti berikut:

- (i) Pamiran Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Saudi Arabia Yang Ketiga (The 3rd Saudi International Trade and Industry Fair)—Mac 1977;
- (ii) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Tripoli (The Tripoli International Fair), Libya—Mac 1977;
- (iii) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Cairo (The Cairo International Fair), Egypt—Mac 1977;
- (iv) Pamiran Perdagangan Malaysia, Birmingham, United Kingdom—April 1977;
- (v) Pamiran Perdagangan Malaysia di Sydney, Australia—Mei 1977;
- (vi) Pamiran Perdagangan Asia Yang Ketiga (3rd Asian Trade Fair), Melbourne, Australia—Mei 1977;
- (vii) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Marseilles (Marseilles International Trade Fair), Marseilles, France—September 1977;
- (viii) Pamiran Perdagangan Antarabangsa Kasut (International Footwear Fair), Dusseldorf, Federal Republic of Germany;
- (ix) Pamiran Perdagangan Malaysia di Tokyo, Jepun,—Oktober, 1977.

Bersabit dengan penghantaran rombongan perdagangan, lima rombongan perdagangan adalah dirancang dalam tahun 1977, iaitu:

- (i) Rombongan Perdagangan Am ke Negara Persatuan Ekonomi Eropah (Denmark dan German Barat)—Mac 1977;
- (ii) Rombongan Perdagangan Am ke Australia—Mei 1977;
- (iii) Rombongan Perdagangan Am ke Negara Jepun;
- (iv) Rombongan Perdagangan Am ke Negara Persatuan Ekonomi Eropah (Negeri Belanda, Belgium dan German Barat)—September 1977;
- (v) Rombongan Perdagangan Am ke Negara Persatuan Ekonomi Eropah (United Kingdom, France dan Italy)—November 1977.

Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menambahkan perdagangan dengan negara-negara di Asia Barat, Kementerian ini akan menubuhkan sebuah lagi pejabat perdagangan iaitu di Dhufai pada awal tahun hadapan. Dengan tertubuhnya pejabat perdagangan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai 3 buah pejabat perdagangan di pasaran Asia Barat. Kementerian juga berharap akan dapat membuka semula pejabat perdagangan di Beirut setelah tamatnya perang saudara di negara itu. Di samping itu kita akan terus menganjurkan lawatan rombongan-rombongan perdagangan dari negara-negara Asia Barat untuk melawat negara kita Malaysia.

Kementerian ini juga akan terus mempergiatkan hubungan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara di kawasan Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.). Sebuah pejabat perdagangan baru telah ditubuhkan di Hague dengan tujuan memberi liputan yang lebih berkesan di negara Netherlands. Selain daripada itu, Kementerian ini mempunyai pejabat perdagangan di Brussels, Paris, Cologne dan Milan untuk memberi liputan di kawasan-kawasan pasaran E.E.C.

Sebagai langkah susulan kepada kegiatan menggalakkan perdagangan di kawasan pasaran Eropah Timor, Kementerian saya akan menubuhkan sebuah pejabat perdagangan di Belgrade pada akhir tahun ini. Pejabat perdagangan tersebut akan meliputi negara-negara Yugoslavia dan Bulgaria. Dengan tertubuhnya pejabat perdagangan tersebut Kementerian ini mempunyai 3 buah pejabat perdagangan bagi meliputi kawasan pasaran Eropah Timor.

Kita juga akan memberi perhatian yang lebih terhadap menambahkan perdagangan dengan negara-negara ASEAN. Setakat ini Kementerian saya hanya mempunyai sebuah pejabat perdagangan di rantau ASEAN iaitu di Jakarta, Indonesia. Ada kemungkinan yang Kementerian ini akan menubuhkan sebuah lagi pejabat perdagangan di salah sebuah negara ASEAN selain dari Indonesia.

Untuk melengkapkan pengekspot-pengekspot kita dengan pengetahuan dan maklumat-maklumat berkaitan dengan perdagangan antarabangsa, Kementerian ini akan

menganjurkan beberapa seminar/bengkel pada tahun 1977. Di antaranya termasuklah:

- (i) Seminar mengenai Perdagangan dengan Negara-negara Sosialis Eropah Timor;
- (ii) Seminar mengenai Pemasaran Barang-barang Makanan;
- (iii) Seminar mengenai Penyertaan di dalam Pamiran dan Pertunjukan Perdagangan;
- (iv) Bengkel mengenai Pembiayaan Ekspot;
- (v) Bengkel mengenai Kumpulan Pemasaran Ekspot Bersama (Joint Export Marketing Groups); dan
- (vi) Bengkel mengenai Kos/Harga Ekspot (Export Pricing/Costing).

Saya sedar bahawa dalam sektor ekspot, masalah-masalah perkapalan dan tambang adalah penting. Kementerian ini telah dan akan mengadakan beberapa rundingan dengan kumpulan-kumpulan perkapalan yang mengadakan perkhidmatan perkapalan di Malaysia. Hasil daripada rundingan-rundingan tersebut pihak-pihak Conference (New Zealand Conference, Australia Conference, New York Conference and Africa Conference) telah menurunkan kadar kenaikan tambang bagi beberapa barangan utama Malaysia seperti nenas dalam tin, minyak kelapa sawit, kayu bergergaji dan susu getah.

Dalam tahun 1977 pihak Majlis Pengguna-pengguna Kapal akan terus mengadakan rundingan-rundingan dengan syarikat-syarikat perkapalan tentang cara-cara bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik dan ekonomik bagi pengekspot-pengekspot kita. Kementerian saya akan juga menjalankan kajian-kajian mengenai perkhidmatan perkapalan ke Amerika Syarikat dan Australia serta juga kawasan-kawasan lain.

Kawalan Bekalan, Harga dan Impot-Ekspot

Suatu bidang yang juga diberi perhatian berat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah pengawasan harga barang-barang keperluan utama dan kawalan impot-ekspot.

Melalui pengawasan harga barang-barang keperluan utama, langkah-langkah adalah diambil bagi menstabilkan harga barang-barang dan mencegah kenaikan harga

barang-barang yang tidak berpatutan dan menasabah. Permohonan-permohonan kenaikan harga barang utama, barang yang dikenakan syarat harga adalah terlebih dahulu dikaji oleh Jawatankuasa Ulangkaji Harga. Kebenaran kenaikan harga hanya akan diberi kepada pengilang-pengilang sekiranya kenaikan harga yang dicadangkan itu didapati berasas dan berpatutan dan juga setelah mendapat persetujuan daripada Kementerian ataupun jika kenaikan harga barang itu memerlukan kelulusan daripada Jumaah Menteri, dan ianya telah diperseujui oleh Jumaah Menteri.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil telah menghasilkan kedudukan dan aliran harga barang khususnya barang-barang keperluan utama menjadi jauh lebih rendah dan stabil daripada negara-negara jiran serantau yang lain. Kejayaan kita untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan ini adalah juga hasil daripada kerjasama semua pihak terutamanya pengilang-pengilang dan pengimpot-pengimpot dan Persatuan-persatuan Pengguna yang sentiasa berdamping rapat dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari semasa ke semasa mengemukakan apa juga masalah yang timbul untuk dibincang dan dikaji bersama.

Sungguhpun tekanan inflasi telah semakin berkurangan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus menjalankan usaha-usaha bagi mengawasi harga barang-barang keperluan dan memastikan supaya bekalan barang-barang tersebut tidak terjejas terutama sekali menjelang musim-musim perayaan dan di waktu-waktu bencana alam seperti musim banjir dan kemarau. Pengistiharan 21 jenis lagi barang-barang keperluan sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 sebagai tambahan kepada 18 jenis barang-barang keperluan yang sedia ada umpamanya, telah mendatangkan kesan yang menggalakkan kepada kestabilan harga barang-barang tersebut di musim-musim perayaan. Selain daripada itu peraturan-peraturan secara pentadbiran juga turut diambil seperti melonggarkan syarat-syarat pengimpotan untuk barang-barang keperluan menjelang musim-musim perayaan. Sementara itu suatu Jawatankuasa Kabinet mengenai Bekalan Barang-barang Keperluan yang telah ditubuhkan

oleh Kerajaan telah berjaya memberi jaminan bekalan barang-barang keperluan yang cukup dan mencegah kenaikan harga yang berlebihan. Kajian-kajian terhadap barang-barang keperluan seperti susu, tepung gandum dan gula adalah diulangkaji oleh Jawatankuasa ini pada tiap-tiap 6 bulan sekali.

Menyentuh mengenai kawalan impot-ekspot, sukaiah saya nyatakan di sini iaitu peraturan-peraturan yang ada sekarang adalah cukup untuk memberi perlindungan kepada industri-industri baru (infant industries) dalam negeri yang mengeluarkan barang-barang bagi pasaran tempatan. Langkah-langkah yang teliti adalah sentiasa diambil dan dikaji oleh Jawatankuasa-jawatankuasa khas mengenai kawalan impot-ekspot yang bukan sahaja menentukan perlindungan kepada industri-industri tempatan bahkan juga mengawasi supaya pengguna-pengguna memperoleh bekalan barang yang mencukupi dan harga yang berpatutan.

Penyertaan Bumiputra

Berhubung dengan penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, Kementerian ini akan terus menumpukan tenaga bagi memperluaskan lagi penyertaan Bumiputra dalam bidang ekuiti, kandungan Lembaga-lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat sesuai dengan peratus ekuiti yang dipegang oleh Bumiputra, guna-tenaga (employment) dalam semua lapisan, pengedaran barang-barang dan perkhidmatan profesional serta lain-lain perkhidmatan yang digunakan di dalam sektor swasta. Saya fikir tidak perlu bagi saya menghuraikan dengan panjang lebar tentang perkara ini oleh kerana saya telah memberi penjelasan yang panjang pada masa saya menggulung perbahasan Belanjawan 1977 minggu lepas.

Projek-projek Pembangunan

Tuan Pengerusi, menyentuh Anggaran Pembangunan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memerlukan peruntukan sebanyak \$10,945,760 untuk membiayai projek-projek pembangunan dalam tahun 1977.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan memerlukan peruntukan sebanyak \$1,500,010 untuk melaksanakan projek-projek seperti berikut:

(i) *Pusat Pembangunan Logam Malaysia*

Sebanyak \$1.5 juta telah diperuntukkan bagi Pusat ini. Ianya akan menjadi pengasas untuk menggerakkan kemajuan perindustrian dan meningkatkan teknologi perusahaan foundry, "tool-making" dan kerja logam. Hakikat ini akan dicapai menerusi pengeluaran, khidmat nasihat, pertunjukan teknologi baru, pertambahan industri-industri baru dan latihan kemahiran di bidang perusahaan logam.

FIDA telah menghubungi Kerajaan Negeri Perak untuk mendapatkan tapak bagi Pusat tersebut. Pembinaan projek ini akan diselenggarakan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya.

(ii) *Bangunan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan*

Bagi tahun 1977 peruntukan tanda sebanyak \$10 telah diluluskan untuk projek Bangunan Pejabat FIDA yang dianggarkan memakan belanja sebanyak \$15 juta. Peruntukan sebanyak \$9 juta secara pinjaman telahpun dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Pusat Daya Pengeluaran Negara

Pusat Daya Pengeluaran Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$2 juta bagi tahun 1977 untuk membina sebuah pusat latihan Hotel dan Restoran. Projek ini mengandungi satu blok Latihan Akademik dan satu blok Hotel/Restoran. Tujuan utama mengadakan institusi ini ialah untuk meningkatkan lagi mutu kemahiran kakitangan hotel di dalam perusahaan hotel/restoran dengan menekankan bukan sahaja dari segi kemahiran amali dan praktik tetapi juga kemajuan dari segi operasi, penyertaan dan pengurusan. Pembinaan projek ini akan dimulakan dalam tahun 1977 dan dijangka siap dalam tahun 1978.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia

Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak

\$7,445,740 dalam tahun 1977. Sejumlah \$645,740 adalah untuk membuat Pelan Induk Pelancungan dan kajian kemungkinan di kawasan-kawasan berikut:

- (i) Negeri Sabah;
- (ii) Negeri Sarawak;
- (iii) Besut, Maran dan Dalam Rhu, Trengganu;
- (iv) Taman Negara.

Wang pinjaman sebanyak \$6,800,000 adalah dipohon untuk membiayai projek-projek berikut:

(i) *Projek Kelab Mediterranean*

Projek ini adalah projek usahasama di antara Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, Lembaga Kemajuan Negeri Pahang dan Kelab Mediterranean. Projek ini bertempat di Kuantan, Pahang. Kerja pembinaan akan bermula pada bulan Mac 1977 dan dijangka siap pada bulan Mac 1979.

(ii) *Projek Rantau Abang/Tanjung Jara*

Untuk projek ini Perbadanan telah diberi pinjaman sebanyak \$1.8 juta. Projek-projek ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan-kemudahan rekreasi (recreation) dan kediaman (Hotel Resort) bagi pelawat-pelawat yang mengunjungi tempat-tempat ini. Pembinaan projek ini akan dimulakan pada bulan Mac 1977 dan dijangka akan siap pada bulan Mac 1979.

(iii) *Motel Desa Kuala Trengganu*

Perbadanan telah diberi pinjaman sebanyak \$1 juta untuk memperbesar projek tersebut. Motel Desa di Kuala Trengganu sekarang mempunyai 20 buah bilik sahaja.

Tuan Pengerusi, saya mohon Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$36,814,700 dan Anggaran Pembangunan sebanyak \$10,945,760 diluluskan.

6.16 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 25—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, muka surat 167, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa.

Tuan Pengerusi, sejak akhir-akhir ini Bahagian Penguatkuasa tidak begitu cergas lagi, hanya yang kita dengar ialah dengan cogan kata, "Kempen Anti-Sorok" melalui Radio dan TV. Bahagian ini adalah satu bahagian yang mustahak untuk mencari maklumat tentang penyorok barang-barang. Pedagang-pedagang dan taukeh-taukeh besar samada pengimpot atau pengeksport (importers and exporters) hendaklah sentiasa diawasi, kerana mereka lebih mengetahui keadaan barang-barang keluar-masuk dalam negeri ini.

Kita telah dengar apabila tangkapan dibuat, maka ada sahaja bantahan dibuat dengan berbagai-bagai sebab. Dari segi kebijaksanaan, mereka siap dengan peguam-peguam (lawyers) untuk membelanya. Ini ternyata dengan tangkapan yang dibuat sedikit masa dahulu. Oleh kerana kepakaran pedagang-pedagang ini, maka saya mencadangkan Pegawai Penguatkuasa ini diberi kursus khas perdagangan jenayah (business crimes) supaya mereka juga mengetahui bagaimana tipu-helah mereka itu. Dari segi tektiknya, mereka lebih pintar menjalankan perniagaan itu.

Tangkapan besar yang dibuat, hendaklah dihebahkan secara meluas, begitu juga dengan hukuman yang dikenakan. Orang ramai akan lebih yakin dan akan lebih berani memberi maklumat, sekiranya tangkapan ini berkesan. Rakyat biasa berkehendakkan bukti, bukan dengan secara hebahan sahaja.

Penyorokan barang-barang ini menjadi satu penyakit masyarakat. Ia boleh melumpuhkan ekonomi negara, sekiranya kawalan ketat tidak dilakukan. Terbukti bahawa dalam masa inflasi memuncak dahulu, banyak pedagang-pedagang mengambil kesempatan. Akibatnya rakyat yang menderita dan yang disalahkannya ialah Kerajaan.

Tuan Pengerusi, di bawah Aktiviti (4) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan: (ii) Perdagangan Antarabangsa, muka surat 167 juga.

Kita memuji Bahagian ini kerana telah menambahkan kakitangannya. Bahagian Penggalakan ini adalah satu bahagian yang mustahak. Ia dapat memperdagangkan hasil negara kita keluar negeri. Tentu sekali

dengan usaha-usaha dan galakan yang ber-sungguh-sungguh melalui rombongan dagang, Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri, akan lebih meyakinkan harapan negara kita untuk mendapat hasil pasaran yang lebih banyak lagi. Imbangan dagang kita menjadi satu contoh yang sangat cerah sekarang ini. Usaha-usaha ini hendaklah dikekalkan.

Tuan Pengerusi, dunia perdagangan ini adalah luas. Pablisiti mengenai dagangan kita hendaklah dibuat secara lebih menarik supaya pelabur-pelabur akan lebih tertarik hati datang menanam modalnya di negara kita.

Tuan Pengerusi, muka surat 167 juga, Aktiviti (10) Penyertaan Bumiputra. Penyertaan bumiputra dari sehari ke sehari makin bertambah. Ini satu galakan yang memerangsangkan. Khidmat usahawan (entrepreneurs) Melayu hendaklah sentiasa diberi perhatian dan dorongan. Orang-orang Melayu masih jauh ketinggalan ke belakang. Kita tidak mahu mendengar adanya halangan-halangan dari pegawai-pegawai Kerajaan untuk menolong dan membantu orang-orang Melayu cergas dalam bidang perdagangan. Nasihat, panduan, pertolongan adalah perlu dalam perdagangan.

Tuan Pengerusi, penyertaan bumiputra 30% dalam semua lapangan, sungguhpun ada sedikit kemajuan, tetapi perjalanannya agak lambat. Kita hendaklah mengejar masa, kerana masa itu adalah emas. Matlamat untuk mencapai hasrat ini hanya tinggal 13 tahun sahaja lagi (1990). Usaha yang berlipat ganda mestilah dijalankan. Dalam negara yang sedang membangun, peluang perniagaan adalah terbuka dengan luasnya. Kita bukan meminta perniagaan yang telah ada, tetapi apa yang kita minta ialah pembahagian keadilan dalam perniagaan (fair distribution) supaya ia tidak dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja. Orang-orang Melayu berkehendakkan bimbingan dari rakan-rakan mereka yang telah maju ke hadapan. Mereka janganlah iri hati apabila ada seorang dua usahawan Melayu yang berjaya dan maju. Dari itu kerjasama mereka adalah perlu.

Tuan Pengerusi, muka surat 173, Kepala Pembangunan P. 25, Pecahan-kepala 2—Pembangunan Kemajuan Pelancungan.

Pelancungan boleh mengenalkan negara dengan mudah. Ia juga mendatangkan hasil negara dan kedatangan pelancung-pelancung secara kumpulan (group tours) hendaklah digalakkan dengan memberi kemudahan-kemudahan istimewa seperti MAS, hotel, motel dan tempat-tempat yang menarik. Perusahaan tangan dari Pantai Timur, khususnya dari negeri Kelantan dan Trengganu boleh menarik minat mereka. Keindahan alam semula jadi, juga boleh menarik perhatian mereka.

Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai pelancungan hendaklah meninjau kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Hawaii, Switzerland dan Singapura, satu contoh yang dekat. Negeri Jepun terkenal dengan Kimononya, begitu juga Malaysia terkenal dengan Batik dan pertukangan perakunya. Lihat sahaja "Wau", bagaimana mashurnya di angkasa raya dengan Penerbangan MAS.

Tuan Pengerusi, di bawah Pelancungan ini juga, Kelantan mendapat peruntukan sebanyak \$3,656,000. Untuk menarik dan mengindahkan kawasan-kawasan pelancungan, Jajahan Tumpat dapat mengadakan satu tempat pelancungan yang bernama "Pantai Kuda". Kawasan pantai ini, satu kawasan yang cantik lagi menarik. Dalam lawatan Tan Sri Philip Kuok ke Tumpat, satu kertas kerja telah disediakan untuk mencatatkan kemudahan pantai ini. Saya berharap Jabatan Pelancungan dapat mengambil perhatian atas perkara ini.

Tuan Pengerusi: Apakah nama pantai itu tadi, Yang Berhormat?

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Pantai Kuda. (Ketawa)

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini.

6.26 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebanyak \$47 juta lebih. Kalau kita mengikuti perkembangan Kementerian ini dari sehari terutama sekali dari segi pelaburan dalam dunia international bolehlah kita memberi pujian yang tinggi bagaimana Kementerian ini menggalakkan kemajuan perindustrian dan perdagangan kita,

meluaskan aktiviti dan menyakinkan dunia luar kepada Malaysia supaya menjadi sebuah negara tempat menanam modal yang baik sekali. Dalam pada itu kalau kita melihat segala aktiviti yang ada perdagangan dan perindustrian itu amat sedikit sekali yang dapat dirasakan oleh bumiputra kita.

Saya rasa dalam penyelarasan hendak memajukan bumiputra berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru 30% untuk bumiputra, kalau kita pandang makin masih jauh matlamat yang kita hendak capai. Saya berkata begitu kerana kita lihat kemajuan industri-nya, kilang-kilangnya dari sehari ke sehari ditubuhkan di Malaysia banyak pelabur asing datang tetapi tidak ada satu pun kilang yang diusahakan oleh bumiputra. Kita lihat satu, orang lain buat; datang dari Jerman, orang lain buat; datang Amerika pun, orang lain dirikan, datang Arab pun orang lain buat, tidak ada yang betul-betul Kementerian ini menggalakkan macam mana orang bumiputra boleh betul-betul memasuki perdagangan dan perindustrian yang bukan sahaja menjadi pengarah tetapi menjadi pengusaha. Saya rasa kalau kita hendak buat sendiri tentulah susah tetapi ada baiknya kalau dasar joint-venture itu diusahakan sama dengan negeri-negeri luar, negeri asing supaya dapat kita melihat bahawa satu industri betul-betul bumiputra melibatkan dirinya di sana, bukan dengan melalui SEDC. SEDC itu adalah satu badan Kerajaan, tidak ada juga orang bumiputra merasanya dan tidak dapat kita hendak memberi satu kebanggaan bahawa inilah perusahaan bumiputra bersama-sama dengan Jerman, joint-venture dengan Perancis, joint-venture dengan Amerika, joint-venture dengan Jepun—tidak ada, baik daripada segi membuat tali, membuat pelastik, membuat kasut, membuat kain, membuat apa sahaja—tidak ada. Saya rasa patutlah Kementerian ini memikirkan dengan sedalam-dalamnya bagaimana cara bumiputra boleh melibatkan diri sebenar-benarnya dalam perusahaan besar. Saya rasa tentu sekali kalau kita bercakap kepada orang lain, barangkali orang ketawakan, mana ada rupa bumiputra boleh membuat perusahaan ini, tetapi ikhtiar Kerajaan saya rasa patut dijalankan.

Yang pertama sekali sudah ada sekarang pengusaha-pengusaha ataupun usahawan bumiputra yang cuba membentuk syarikat-syarikat, baik besar atau kecil, samada melalui MARA dan sebagainya. Saya rasa patut dengan jalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini, ambil inisiatif mengumpulkan semua tenaga syarikat bumiputra yang ada di Malaysia, mengajak mereka bersama menjadikan satu badan pengusaha bumiputra, tidak kira siapa boleh masuk dalam perusahaan itu dan badan inilah mewakili bumiputra membuat joint-venture dengan tiap-tiap negeri yang hendak melaburkan modal di negeri kita. Barangkali kalau kita ambil satu syarikat bumiputra, kita boleh katalah dia tidak mampu, pergi kepada FIDA pun ditertawakannya, jikalau kita hendak meminta wang \$20 juta, mana ada rupa bumiputra hendak berusaha, tetapi kalau Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengajak semua syarikat bumiputra yang ada di Malaysia terutama yang besar-besar berkumpul semula, jadikan nama satu syarikat baru—Pengusaha Bumiputra Sendirian Berhad atau lain-lain dan dengan melalui badan ini boleh mengambil sebarang perusahaan besar

samada kilang dan sebagainya joint-venture dengan negeri-negeri luar. Kalau terdiri sesuatu kilang seumpama itu, kita boleh tunjukkan bahawa ini joint-venture bumiputra dengan Jerman, Perancis, Jepun atau Itali dan sebagainya adalah nampak, tetapi selama ini kita tengok diri satu bukan, diri dua pun bukan, tiga bukan. Jadi ke mana kita hendak tuju matlamat 30% bumiputra dalam industri? Adalah penubuhan kedai kecil atau penaja itu banyaklah, tetapi yang kita maksudkan industri yang melibatkan pelabur-pelabur asing yang datang ke tanah-air kita. Saya rasa sudah sampailah masanya

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai.
(Ketawa)

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 24hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.